# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 3 | RABU 16HB JANUARI, 1980. | 1400 صفر 27 رابو | PERCHUMA




# MENTERI NEGARA BRITISH MENGADAP BAGINDA YANG DIPERTUAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Negara British bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel, Tuan Peter Blaker telah mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-Istana Darul Hana pada petang hari Isnin yang lalu (gambar kiri).

Menteri Negara British yang tiba di-sini pada malam Isnin lalu, telah di-iringi oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson.

Turut berangkat di-Istiadat tersebut ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.

Juga turut hadhir di-Istiadat itu termasok-lah Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa; Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Y.B. Setia Usaha Kerajaan dain lain2 pembesar2 negara.

Di-sebelah pagi hari tersebut, Menteri British itu, telah melawat beberapa tempat yang menarek termasok lawatan ka-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bangunan Peringatan Churchill dan Dewan Majlis Dalam lawatan ka-tempat2 tersebut, Tuan Blaker telah

Lihat muka 16



TUAN Peter Blaker kelihatan memerhatikan sa-chara dekat akan tongkat khas yang di-gunakan oleh Imam ketika menyampaikan khutbah dalam lawatan Menteri British itu ka-Masjid Omar Ali Saifuddin.

## Ahli2 Persatuan Kimia Brunei di-harap mengembangkan pengetahuan mereka

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Hj Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan berharap supaya usaha serta keupayaan ahli2 Persatuan Kimia Brunei akan dapat mengembangkan pengetahuan mereka demi untok kebajikan negeri ini dan segala isi di-dalam-nya.

Dalam uchapan yang telah di-bachakan oleh Dato Seri Laila Jasa Awang Hj Ahmad bin Jumat di-perjumpaan ahli2 persatuan berkenaan di-Bilek Kuliah, Bangunan Peringatan Churchill di-sini pada Ahad lepas, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menekankan masaalah ayer yang menjadi cheramah perjumpaan itu ada-lah suatu unsor alam yang mempunyai pengaroh pada kehidupan bukan sahaja kapada manusia malah juga mahlok2 lain saperti haiwan dan tumboh-tumbohan.

Kata-nya, saperti penjelasan Allah s.w.t. dalam Al-Kor'an bahawa segala benda hidup telah di-jadikan-nya daripada ayer dan antara langit dengan bumi berasal dari satu 'potong yang telah di-pisahkan antara kedua-nya.'

"Pada tanggapan saya, penjelasan Allah s.w.t. ini ia-lah sa-takat mengenai fungsi ayer kapada kehidupan. Di-bahagian2 lain dalam Al-Kor'an terdapat juga penjelasan bagaimana ayer itu mengambil peranan sa-bahagian fungsi-nya saperti dalam menyuborkan tanah yang kering kontang dan tumboh-tumbohan melalui proses hujan mithalnya," kata Yang Berhormat itu.

Kapada ahli2 persatuan itu Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan yakin sabagai golongan yang mengetahui ilmu kimia tentu-lah berkesempatan untok mendalamkan tanggapan dan fahaman mereka terhadap firman Allah itu dari sudut ilmu sains dan menghuraikan ayer ka-dalam bidang2 pengolahan unsor terpenting dalam kehidupan.

"Maka di-sini-lah sebenar-nya, pada fikiran dan keyakinan saya, orang2 yang berilmu saperti tuan2 dan puan2 patut mengembang-luaskan ilmu di-mana kefahaman tentang sa-suatu yang di-sebutkan atau satakat di-isharatkan oleh Allah s.w.t. dapat pula di-huraikan sa-chara terperinchi menurut bidang2 ilmu yang dapat di-kuasai", jelas-nya lagi.

Yang Berhormat itu saterus-nya mengingatkan, ada-lah amat penting kita selalu sama2 berkeinsafan bahawa Allah s.w.t. menganugerahkan sa-suatu kelebehan bagi menguasai bidang2 ilmu. ... maka ilmu yang di-anugerahkan-Nya kapada sa-seorang tentu-lah dengan maksud supaya penchiptaan alam semesta ini dapat di-selideki rahsia dan hikmat-nya bagi faedah2 kehidupan.

Kerana itu, tambah Yang Berhormat penggunaan ayer yang meluas tentu-lah berkehendakkan pengawalannya yang dalam ertikata juga termasok mengelakkan pembaziran dan penchemaran-nya.

Yang Berhormat menyarankan, penyelidekan dan kajian2 sains ada-lah mengambil tempat dalam usaha itu di-samping berpandukan huraian2 serta di-ikuti oleh langkah2 dan tindakan, termasok-lah saperti mengadakan undang2 mengawal pembaziran dan penchemaran.

"Dalam konteks ini, ajaran dan fahaman keugamaan sangat penting bagi mengesankan langkah2 undang2 itu dan mendorongkan ahli2 ilmu yang berkenaan untok tampil menyumbangkan kepandaian dan kemahiran masing2 ia-itu dalam Ugama Islam ki-

Lihat muka 16

### Manis-nya Iman

"CHUBAAN akan terus menerus berlaku ka-atas orang2 beriman lelaki dan perempuan — dalam perkara diri-nya, anak-nya, dan harta-nya — sa-hingga-lah dia menempoh maut. Jika dia menghadapi-nya dengan sabar tiada-lah dia menanggong dosa." — HADITH Nabi riwayat At-Tirmizi daripada Abu Hurairah.

## Ibubapa di-seru pergiat minat anak2 pelajari Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ibubapa dan penjaga2 penuntut telah di-seru supaya akan lebeh mempergiatkan lagi minat dan kechendorongan murid2 dan penuntut2 dalam mempelajari Ugama Islam dan mengajarkan amalan ajaran2 Islam dengan penoh takwa.

Kerana saham yang terbesar dalam mendudoki anak2 ada-lah terletak kapada ibubapa di-rumah dan mereka juga-lah bertanggong-jawab dalam membentok chara hidup anak2.

"Dan sa-bagai sa-orang yang dapat mempengarohi menchurahkan hidup anak2 mereka, maka tuntun-lah mereka ka-jalan yang di-redhai oleh Allah supaya mereka itu akan di-pertanggong-jawabkan tentang ugama, bangsa dan negara di-masa2 yang akan datang."

Murid2 dan penuntut2 juga telah di-seru supaya menanamkan tekad dan azam yang kuat bagi memperbaiki diri sendiri terutama dalam bidang pelajaran tanpa melalaikan ajaran2 Ugama Islam yang menjadi asas dan panduan hidup kita dalam menchapai kejayaan di-dunia dan akhirat.

Seruan ini di-buat oleh Pemangku Pegawai Daerah, Brunei dan Muara Awang Haji Yahya bin Hj Harris dalam uchapan perasmian Pameran Poster bagi Sekolah2 Rendah dan Menengah Sa-negeri yang telah di-bachakan oleh penolong-nya, Pg Omar bin Pg Sabtu. Pameran tersebut di-adakan di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, di-sini.

Menyentoh mengenai dengan pameran poster pada hari itu, beliau menambah kata, bahawa ia-nya merupakan satu bentok pelajaran yang sangat berkesan dalam dunia perhubongan manusia untok menyampaikan hasrat yang terpendam dalam lubok sanubari pelukis itu sendiri.

Oleh yang demikian beliau berharap supaya usaha yang creative atau daya chipta murid2 dan penuntut2 itu dapat menggambarkan gambaran yang baik dan bermaana serta ber-

Lihat muka 16

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

16HB JANUARI, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## Matalamat ranchangan perpindahan

KESEDIAAN ranchangan perpindahan Kerajaan untok menempatkan raayat-nya di-negeri ini dalam keadaan yang penoh selesa dan pada meninggikan lagi taraf hidup raayat dan pendudok, sememangnya sudah lama ujud sa-belum ranchangan perpindahan yang baru di-ranchangkan. Bokti-nya, perpindahan Burong Pingai Baru, Berakas, Kampong Jaya Setia, Jaya Bakti, Berakas, Kampong Bunut, Batu Lima Jalan Tutong, Kampong Anggerek Desa, Berakas, Kampong Delima Satu dan Dua, Jalan Muara, Kampong Orang Kaya Besar Imas, Kampong Perpindahan Jalan Badas, Seria dan lain2 lagi. Dan Jabatan Perpindahan ini memang sudah sedia di-tubohkan dalam menguruskan berhubong dengan perpindahan ini.

Sejak dua tahun kebelakangan ini, Jabatan Perpindahan teiah membuat kajian ka-atas satu lagi ranchangan perpindahan baru. Sa-ramai kira2 15,664 keluarga telah memohon untok menyertai perpindahan yang di-ranchangkan itu. Jika ranchangan tersebut di-izinkan Allah, satu kemajuan lagi akan dapat di-chapai dan banyak-lah lagi pekan2 kechil akan di-dirikan dan juga merupakan salah satu usaha bagi mengurangkan kesesakan yang sentiasa hanya bertumpu ka-bandar2, saperti sekarang ini.

Kerajaan telah menyediakan kawasan saperti: Kampong Rimba, Gadong, Kampong Lambak Kanan dan Pengkalan Sibabau bagi pendudok2 di-Daerah Brunei-Muara termasok juga ranchangan perpindahan yang sekarang sedang di-proses ia-itu perpindahan Kampong Mata-Mata dan perpindahan bagi pendudok2 di-Kampong Masjid Lama, Muara, Berbunut dan di-lain daerah di-negeri ini.

Ranchangan tersebut merupakan ranchangan yang agak besar dalam jangka panjang. Maksud-nya, bukanlah sa-kadar memindahkan pendudok2 atau menempatkan pendudok2 yang belum mempunyai rumah tetapi yang lebeh penting dari itu ia-lah dari segi keselamatan dan kesejahteraan pendudok yang akan di-tempatkan di-situ, termasok-lah segala kemudahan2 saperti jalanraya, bekalan ayer, letrik, sekolah, klinik, pasar, kedai dan berbagai2 lagi kemudahan termasok pengangkutan.

Langkah pertama Kerajaan dalam ranchangan perpindahan yang di-ranchangkan itu ia-lah untok memberikan keutamaan kapada kaki-tangan2 Kerajaan terlebeh dahulu dan perengkat kedua dan seterus-nya ia-lah untok orang ramai termasok pendudok2 yang tinggal di-kampong ayer.

Ranchangan perpindahan baru ini pada perengkat pertama, dengan izin Allah akan di-mulakan pada akhir tahun ini atau awal tahun hadapan dan tahun2 berikut-nya. Apa yang menjadi harapan kita bersama ia-lah supaya pehak2 yang akan menyertai ranchangan perpindahan ini supaya bersabar menunggu giliran masing2.

Kerajaan sememang-nya berhati2 sa-belum melaksanakan ranchangan ini dan mendasarkan-nya kapada pengalaman2 yang pernah di-lalui-nya. Dalam pada itu Kerajaan juga tidak JARA bagi meneruskan ranchangan berikut-nya demi faedah raayat dan pendudok di-negeri ini. Andai-nya ranchangan tersebut terlambat sedikit di-laksanakan ini juga bukan-lah di-sebabkan kechuaian2 ranchangan itu dan sa-umpamanya. Hakikat ini-lah yang harus di-sedari oleh bakal peneroka ranchangan perpindahan itu yang semata2 menggambarkan keburokan2 saja dari kebaikan-nya, mithal kata, ada orang menegor Kerajaan berhubong dengan jalanraya di-situ belupak2, anu-lah dan ani-lah —, tetapi ia-nya pura2 tidak mengetahui jalan2 yang di-lalui-nya yang sudah lichin itu.

Ada-lah penting bagi kita menghargai mana2 yang patut di-hargai itu di-samping berfikir bahawa pelaksanaan sa-suatu ranchangan itu perlu-lah di-dasarkan kapada keutamaan atau dengan kata2 yang lain mendahulukan mana yang patut di-dahulukan.

Maka itu ada-lah di-tekankan di-sini bahawa Kerajaan dalam meranchang ranchangan perpindahan bersikap tegas supaya ia-nya tidak akan di-tempalak orang ketani di-kemudian hari, terutama-nya pada mengelakkan dari berlaku-nya semula perkara2 yang tidak di-ingin saperti soal2 pembayaran balek dan "salah-gunakan" ka-atas rahmat yang di-korniakan itu.

# PADA HEMAT SAYA....

## al-kesah SUATU CHERITA...

"ENTAH mengapa kesah ini tiba2 saja saya ingat kembali. Mungkin kerana dalam beberapa hari kebelakangan ini saya banyak termenong ekoran 'menongan' di-awal tahun. Atau juga ada pertalian-nya dengan apa yang selalu bermain2 dalam benak fikiran saya tentang sa-suatu."

ADA SUATU CHERITA, kesah di-zaman 'kuratu' di-sa-buah negeri di-dunia ini.

Saya terbacha cherita-nya beberapa waktu dahulu. Entah di-mana, majallah-kah atau surat khabar saya sudah tidak dapat mengingat-nya. Mungkin juga di-dalam sa-buah buku tapi itu pun saya tidak lagi dapat mengingat nama-nya.

Yang pasti saya ada terbacha, bukan terdengar dari mulut sa-siapa.

### JALINAN KESAH

Jalinan kesah-nya lebeh kurang begini: Ada empat orang bersahabat. Mereka sejak kechil lagi sudah berkawan rapat, kawan sa-gelanggang sa-permainan.

Tiga orang dari mereka sangat beruntong kerana berkesempatan menuntut ilmu sa-hingga menjadi orang2 yang pandai dalam bidang ilmu di-zaman itu. Sementara yang sa-orang lagi tidak sedemikian, dia besar dan meningkat dewasa chuma dengan berbekalkan pengalaman biasa.

Ketiga2 orang berilmu itu chukop yakin dengan ilmu masing2. "Ilmu sangat berguna," kata sa-orang di-antara mereka. "Ya! Tanpa ilmu hidup tidak bererti," sa-orang lagi menegaskan. "Untok mengetahui guna-nya ilmu dan untok memberi erti kapada hidup dengan ilmu itu maka ilmu mesti-lah di-praktikkan," orang yang ketiga menyimpulkan.

Suatu hari ketiga2 mereka berfikir untok menchubakan ilmu masing2. Sa-orang di-antara mereka menegaskan: "Kita mesti mendapat faedah dari ilmu yang kita kuasai."

"Betul!" sampok sa-orang lagi, "kita sa-patut-nya mendapat keberuntongan dari kepandaian kita," tegas-nya lagi.

"Di-mana kita akan beroleh keberuntongan?" tanya orang yang ketiga, tapi sa-kejap itu juga dia terfikir "Oh! Kita mesti berjalan mengembara," kata-nya menyarankan.

Ketiga2 pun bersetuju untok mengembara. Tapi apa hal kawan yang sa-orang lagi yang tidak berilmu itu?

### PENGALAMAN

"Kita tak usah membawa-nya," chadang sa-orang dari yang bertiga. "Ya! Mungkin dia hanya akan membebankan kita sebab dia tidak tahu apa2 ilmu saperti ilmu kita," orang yang kedua menyetujui sambil menekankan lagi kelebehan mereka.

"Oh! Tidak, tidak . . ." kata orang yang ketiga. "Dia sahabat baik kita sejak kechil. Tak patut kita meninggalkan-nya. Lagi pun tidak-lah salah kalau dia turut sama dan dapat pula nanti menyaksikan kegunaan ilmu kita," sambong-nya.

Dari tadi kawan mereka yang tidak berilmu itu tinggal diam. Dia chuma mendengar sa-orang demi sa-orang sahabat2-nya meluahkan hasrat bersama untok beroleh keberuntongan melalui ilmu masing2. Tapi bila sampai kapada ranchangan hendak mengembara itu dan dua orang sahabat-nya menchadangkan supaya dia di-tinggalkan baru-lah dia teringin hendak bersuara.

"Saya tidak punya apa2 ilmu. Apa yang ada pada saya ia-lah pengalaman. Mungkin itu berguna dalam sa-suatu pengembaraan," kata-nya dengan rendah hati menawarkan diri.

Masing2 yang tiga orang itu berbalas-balas pandang satu sama lain. Akhir-nya mereka sama2 mengangGokkan kepala tanda bersetuju membawa sahabat yang tidak berilmu itu.

### RANCHANGAN

Di-rengkaskan cherita . . .

Belum beberapa lama berjalan mengembara mereka pun sampai di-satu tempat terpenchil.

"Kita berhenti rehat di-sini," kata salah sa-orang sahabat yang berilmu.

"Betul, kita rehat dulu sambil memikirkan ranchangan sa-lanjut-nya," sahut yang sa-orang lagi.

"Apa pun yang kita ranchang tapi yang sudah pasti kita mesti-lah meranchang untok mempraktikkan ilmu yang kita kuasai," tegas yang ketiga dengan penoh semangat.

Sahabat mereka yang sa-orang lagi itu tinggal menurut saja. Sementara kawan2-nya yang bertiga itu berehat sambil bertukar2 fikiran, dia beredar tidak jauh dari situ menchuari kayu api untok di-nyalakan. Tidak lama kemudian kedengaran dia bersuara meneriakkan sa-suatu: "Di-sini ada tulang rangka sa-ekor singa!" Suara-nya kuat. Kawan-nya segera ka-tempat itu. Mereka mendapati betul ada tulang rangka sa-ekor singa yang mati beragan!

### MENCHUBAKAN

"Nah! Sekarang saya fikir boleh-lah kita chubakan hikmat ilmu kita," sa-orang dari mereka yang bertiga itu bersuara. Sambil menunjok ka-arah tulang rangka tersebut dia memaksudkan kata2-nya itu supaya mereka bertiga mempergunakan ilmu dan kepandaian masing2 untok menghidupkan sa-mula singa yang telah mati beragan itu. "Biar nanti saya chubakan ilmu saya memberikan tulang2 rangka ini berdaging," kata-nya dengan gembira.

"Saya nanti akan memberi-nya berkulit," sampok orang yang kedua.

"Oh! Tentu . . . tentu sakali. saya pula akan memberi-nya berdarah dan bernyawa," sahut orang yang ketiga.

Mereka ketawa terbahak2 dengan riang-nya.

Sementara sahabat mereka yang sa-orang tinggal terpinga2 melihatkan kawan2-nya yang berilmu memutuskan ranchangan masing2 untok menghidupkan singa mati beragan itu. Dia saperti tidak perchaya mereka itu akan berbuat demikian. "Tentu mereka tahu bahaya binatang singa . . ." fikir-nya.

Tapi tidak! Kawan2-nya itu memang bersunggoh2. Di-lihat-nya mereka itu masing2 bersedia untok menchubakan ilmu-nya.

"Tunggu!" Pekek-nya, "ini binatang singa, tentu kamu tahu garang dan buas-nya singa bukan?" tanya-nya dalam keadaan chemas.

### APA GUNA ILMU

"Itu tidak penting!" sahut sa-orang sahabat-nya. "Betul! Yang penting kami sekarang mahu menchubakan ilmu kami, dan kau lihat saja betapa kepandaian kami." sa-orang lagi sahabat-nya bersuara dengan yakin.

"Ya! Apa guna-nya ilmu kalau tidak di-praktikkan," kata sahabat-nya yang ketiga. Dia juga bangga dan yakin dapat memboktikan hikmat ilmu-nya.

Ketiga2 mereka semakin rapat kapada tulang rangka itu. Dia semakin chemas lalu bersuara "Tunggu dulu!" kata-nya sambil mendepakan tangan menghalang ketiga2 sahabat-nya. "Kalau sudah putus fikiran kamu untok masing2 memberikan tulang singa ini berdaging, berkulit dan berdarah serta bernyawa tak apa-lah, tapi tunggu-lah sampai saya sudah naik ka-punchak pohon itu," pinta-nya sambil menunjok ka-arah sa-batang pokok yang berdekatan.

Serentak dengan itu juga dia berlari ka-arah pokok itu dan terus memanjat-nya. Ketiga2 sahabat-nya ketawa geli hati melihatkan gelagat kawan mereka yang tidak berilmu itu sa-begitu chemas. "Begini-lah orang jahil, lekas chemas. . ." fikir mereka.

### MENIUPKAN

Ketiga2 orang itu pun segera meneruskan persediaan bagi menchubakan ilmu masing2.

Orang yang pertama meniupkan sa-suatu ka-tulang rangka itu. Sekejap itu juga tulang tersebut di-saluti daging.

"Lihat! Saya berjaya!" pekek-nya bangga sambil melunjak2 riang.

Orang yang kedua pula mengambil giliran-nya. Dia juga meniupkan sa-suatu ka-tulang yang sudah berdaging semula itu. Sekelipan mata daging itu sudah di-baluti kulit saperti sedia kala.

"Ha! Ilmu saya juga berhasil!" Dia memekek lebeh kuat penoh bangga.

Lunjakan riang mereka samakin menjadi2.

Tiba pula giliran orang yang ketiga. Dia juga meniupkan sa-suatu sambil menggayakan tangan-nya. Selesai saja hembusan nafas yang di-tiupkan-nya tiba2 tulang rangka yang sudah berdaging dan berkulit, yang sudah benar2 saperti singa itu bergerak tanda sudah bernyawa kembali.

Belum sempat dia melaungkan teriakan bangga kerana kejayaan ilmu-nya tiba2 singa yang kembali hidup itu mengaum dengan suara garang mengatasi suara kedua2 orang sahabat-nya yang sejak tadi maseh ketawa riang. Serentak dengan itu singa yang di-beri-nya nyawa itu melompat tangkas membaham-nya. Lompatan yang tangkas itu mengatasi lonjakan riang dua orang sahabat-nya yang serta merta lari lintang-pukang. Tapi sang singa yang di-beri hidup itu lebeh tangkas membaham sa-orang lepas sa-orang dari mereka lalu beredar dari situ dengan nyawa baharu!

Kawan yang 'jahil' yang berada di-atas pohon tinggal bersedeh menyaksikan ketiga2 sahabat-nya yang berilmu itu menjadi mangsa sang singa yang di-beri berdaging, berkulit dan berdarah serta bernyawa dengan hikmat ilmu masing2.

* * *

Demikian-lah (lebeh kurang) ada-nya.

Entah mengapa kesah ini tiba2 saja saya ingat kembali. Mungkin kerana dalam beberapa hari kebelakangan ini saya banyak termenong ekoran 'menongan' di-awal tahun. Atau juga ada pertalian-nya dengan apa yang selalu bermain2 dalam benak fikiran saya tentang sa-suatu.

Yang jelas (harap-lah jangan di-salah ertikan!) kesah tersebut ada dengan 'moral'-nya. Pada hemat saya awda tentu menduga 'moral' cherita itu-lah yang sa-benar-nya mahu saya kemukakan. — *Ketua Pegawai Penerangan.*



SINGA di-kenal sa-bagai 'raja rimba' sa-bahagian-nya ia-lah kerana kekuasaan dan keganasannya. Ketiga2 orang yang berilmu dalam kesah di-ruangan ini telah melupakan hakikat itu lalu mereka tersalah meletakkan kegunaan ilmu masing2 dengan menghidupkan singa yang mati beragan yang akhir-nya membaham mereka sa-orang demi sa-orang.

# Considerable progress made in rice-growing project

**The following is the second part of the budget speech by the State Financial Officer, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Lalia Utama Awang John Lee.**

HONOURABLE Members will see that the pattern of expenditure follows that of previous years with increases in most Departments over the Estimates for 1979 ranging from 1.3 to 43.02% Against this there have been reductions in other Departments so that the overall increase on the recurrent budget is only 9.41%. The increases reflect rising costs but more particularly they are due to the expansion of services, giving rise to items of Special Expenditure which are non-recurring. Certain Departments have reached the optimum level of operation so that annual increases are a true indicator of the increasing cost of running them. In others the purchase in previous years of items of a capital nature which will not need replacement for some time have resulted in a seeming saving in the cost of those Departments during the ensuing year.

Although expenditure on the security of the State continues to account for the largest allocation in the Budget this will not be to the detriment of other services. In 1980 the amount provided for the Royal Brunei Malay Regiment and its associated sea and air wings shows a saving of 22% but this is not because of any curtailment or diminution in defence requirements but rather that the high cost of buildings and equipment is not repeated each year.

In all other services the Government has been at pains to ensure that the appropriate Departments are modernised and made more efficient. In many of them there has been considerable expansion and it is fitting to commend the way in which the demands of new and more elaborate systems are being met while running in tandem with the old.

Turning now to Development, 1979 was the final year of the third five year National Development Plan and there was an increase in the effort to complete a number of projects within the allotted time. The effectiveness of the Plan will be the subject of a separate report in due course.

Last year at this time it was anticipated that expenditure from the Development Fund would amount to Br$183.6m and that the balance standing to the credit of the Fund at 31st December 1979 would be Br$76.9m. Expenditure on Development projects inevitably lags behind the amounts estimated and for which provision is voted. This is because preliminary work on investigation and design cannot be started until schemes are approved and finance is provided. Thereafter annual estimates are usually higher than necessary because controlling officers are understandably anxious not to reach a position where work might be held up because of inadequate provision. As estimates are made some 15—18 months before the end of the year to which they relate a more hopeful view is usually taken of possible progress and many of the delays cannot be foreseen. Because of this it now appears that expenditure will amount to Br$110m and the balance of the Fund at the close of the year should be Br$175.6 million.

Considerable progress was made in the rice-growing project whereby the State will become less dependent on the importation of this basic foodstuff. An estimated 130 acres at Kampong Panchor Murai/Wasan were planted and harvested as part of an experimental scheme involving off-season planting and the traditional planting season it is anticipated that 600 acres will be under cultivation. A further 300 acres be planted as and when the preparation of the land is completed after proper levelling, drainage and irrigation. A sum of $9.7 million was approved for 1979. mainly for capital expenditure on land preparation. This scheme supplemented the efforts of a small number of local rice farmers who were given assistance by the Government in the form of fertilisers, insecticides and mechanical services. Where the nature of the land permitted and it was economical to do so, drainage and irrigation works were constructed.

In the field of education, the main facilities of the Sixth Form Centre were completed and staff and students were able to move into the new Centre for their 1979 academic year. With the completion of the sports complex in 1980, the total cost for the whole project will have been about $30million. Superstructure works on the $18 million Sg Kebun Secondary School started with the effective use of labour-saving harvesting machinery. In the award of the contract for Phase 1—Teaching Complex late this year. The balance of the scheme value is being carried forward to the next Plan. Work on the $4 million Malay School and English Preparatory School at Sengkarai, Tutong is will in progress. Measures have also been taken to improve and to widen the curriculum of technical education in order to train young people to work as skilled tradesmen and gradually replace imported artisans.

The contruction of the Muara/Jerudong road is progressing well and it is hoped that this sector will be completed by early 1981. The contract for the Jerudong/Tutong sector of this coastal road is scheduled to be completed by late 1981. The completion of this road will provide a much-needed alternative route for traffic between the port at Muara and Tutong, and will eliminate a bottle-neck in Bandar Seri Begawan. The main networks of roads both urban and rural are also being upgraded by re-surfacing, widening and improving intersections.

The improvement and extension of domestic telecommunication services were achieved with the completion of the Telephone House at Kg Sumbiling and several other telephone exchanges. International communications were improved with the commissioning of the Earth Satellite Station at Telisai in September 1979. Direct dialling to Singapore is now available for a limited number of subscribers and the number of telex lines has been increased. Direct dialling to other parts of the world will be introduced at the end of January 1980.

(to be continued next week)

## Ten out of thirteen pass

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ten out of thirteen students of the Hassanal Bolkiah Arabic have passed the Religious Education Certificate held in November last year.

The results received by the Education Section of the Religious Affairs Department last week showed that nine of the students obtained grade one and the other one grade three.

Those who obtained grade one were Jamaiah bte Hj Abd Manaf, Abd Aziz bin Hj Yusof, Ak Bahrum bin Pengiran Bahar, Siti Zaleha bte Abu Salim, Siamah bte Sirabaha, Nor-Zainab bte Buntar, Siti Azizah bte Musa, Puasa bte Haji Jumat and Abd Aziz bin Samsuddin, while Awang Omar bin Tahir got grade three.



Yang Amat Mulia Pengiran Laila Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz is seen presenting the prize to the leader of runner up team in the competition.

## BRUNEI IN ISLAMIC CONFERENCE

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei was recently represented at a four-day Islamic Conference on the Islamic missionary activities in South East Asia and the Pacific held in Kuala Lumpur.

The representatives were the State Religious Affairs Officer Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammed Zain bin Haji Serudin, the State mufti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz and the religious education offficer Pengiran Anak Hajjah Masnah binte pengiran Muda Safiuddin.

The conference was aimed at seeking the opinion among the moslem leaders of how to extend and effecting the activity of missionaries in their works to spread the teachings of Islam.

The main topics of discussion in the conference were the role of mosque in the religious missionary, Education and mass-media in religious missionary, problems and challenges to be faced by mission workers, activities of mission and workers among the minority and cooperation among missions and religious associations of today.

Brunei representatives had also table a paper about Islam in the state and distributed books depicting the role of Islam in Brunei.

## Constables required

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Royal Brunei Police is seeking a number of young men for entry to the Force as constables.

Successful applicants will undergo a six-month period of recruit training at the Police Training Centre in Jalan Muara starting in the middle of next month.

Applicants must be Brunei Subjects, bachelors or married between the ages of 18 and 28, at least 5" 2" in height and be physically fit. The minimum academic qualification is standard six in Malay or English.

During the training they will be paid $325 a month plus $100 allowance. On completion of training basic salary and allowance arises to $525.

This morning the recruiting officers will be at the Tutong Police Station and in the afternoon they will be at the Lamunin Police Station.

Tomorrow, in the morning the team will be at the Kuala Belait Police Station and at the Seria Police Station in the afternoon.

On 19th January the officers will be at the Bangar Police Station in the Temburong District.

On 21st January they will be at the Police Station here at 8.00 am and 2.00 pm.

Those who are interested are asked to meet the officers for an interview at their respective district on the days and times stated above.

## Three honoured

BANDAR SERI BEGAWAI. — Three British Loan Service Personnel who are now serving with the Royal Brunei Malay Regiment were among those in the list of the British New Year Honours and Awards announced recently.

They are Lieutenant Colonel CJ Bowden who received OBE while tht other two, Major RC Harper from the first Flotilla and WWO2 HWN Fynn from Regimental Hedquarters, were each awarded MBE.

## *Brunei-Muara wins traffic games competition*

KUALA BELAIT. — The Dato Gandi Preparatory School team from the Brunei-Muara District emerged champion in the state level Traffic Games organised by the Brunei Shell Petroleum Company held at the Jalan Sungai here last week.

The second place was won by the Haji Tarip Malay School which is also from the Brunei-Muara District.

The competition was officialy opened by the Controller of Customs and Excise, Pengiran Laila Cheteria Sahibon Najabah, Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar who also presented the prizes to the winners.

It was attended by among others the Brunei Shell Managing Director, Mr Peter Everett and other senior government and Shell officials.

## Twenty-four courses planned for this year

BANDAR SERI BEGAWAN. — A total of twenty-four courses will be conducted this year as part of the drive for greater efficiency at all levels of government services.

This was announced last week by the Training Unit of the Establishment Department which will also conducting eight seminars.

One of the new courses this year is for holders of diplomas and is aimed at familiarizing them with government service.

Among the seminars are one for heads of departments, another for their deputies and a third is for senior administrative officers.

Last week saw the start of a five-day course in basic clerical duties.

The course, conducted by the officials of the training unit, was attended by sixteen grade three clerks from various government departments.

# TANGKAL DAN AZIMAT (1)

## Latar belakang hukum-nya

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM. Pehin Datu Seri Maharaja Datu Seri Utama) Pehin Datu Seri Maharaja, D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S., Azhar dan U. Cairo, Mufti

TANGKAL dan azimat ada dua macham: —

Di-sebutkan dalam kitab Az-Zawajir oleh Al-Imam Ibnu Hajar (meninggal pada tahun 973 Hijrah) sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam2 Ahmad, Abu Ya'la dan Al-Hakim, dan ia telah tashihkan daripada sahabat Uqbah bin Amir (radhiallahu 'anhu) bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

من علق تميمة فلا اتم الله له ومن علق ودعة فلاودع الله له

**Siri ke-15**

Erti-nya: *"Barangsiapa menggantongkan azimat maka tiada-lah Allah akan menyempurnakan-nya, dan barangsiapa menggantongkan wada'ah (suatu benda puteh yang di-ambil dari laut bagi pelimun dari mata orang) maka tiada-lah Allah akan memberi-nya ketenangan dan keselesa'an."*

Dalam hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dengan perawi2-nya orang yang benar di-perchayai adil dan tepat, juga di-riwayatkan oleh Al-Hakim bahawa satu kumpolan sapuloh orang datang mengadap Rasulullah s.a.w., sembilan orang dari mereka telah melakukan ikatan setia dengan Rasulullah enggan pula mengikat setia dengan yang sa-orang lagi itu. Melihat keada'an itu orang2 bertanya apa-kah sebab-nya? Sabda Baginda: "Di-lengan atas-nya ada azimat". Sa-telah orang itu menanggalkan azimat tersebut, Rasulullah s.a.w. pun mengikat setia dengan-nya. Kemudian Baginda bersabda:

من علق فقد اشرك.

Erti-nya: *"Barangsiapa menggantong azimat, maka ia telah menyekutukan Allah".*

Dalam satu peristewa Rasulullah s.a.w. telah terpandang pada lengan atas sa-orang lelaki suatu lingkang (saperti gelang) sabda Baginda: "Tunjokkan dia kapada saya". Jawab orang itu: "Lingkang itu dari tembaga." Sabda Rasulullah lagi yang erti-nya: "Apa ini?" Kata orang itu: "Ini dari jenis wahinah (azimat bagi penyakit di-lengan atas)". Sabda Baginda:

اما انها لاتزيدك الا وهنا انبذها عنك فانك لومت وهي عليك ما افلحت ابدا.

Erti-nya: *"Sesunggoh-nya wahinah itu tiada menambahkan kamu melainkan menambah sakit lengan. Tanggalkan ia dari kamu, kerana jikalau kamu mati, dan ia ada pada badan kamu, neschaya tiada-lah sekali2 kamu beruntong".*

Dalam satu peristewa lain, bahawa sahabat Ibnu Mas'ud radhiallahu 'anhu telah menemui isteri-nya, di-leher isteri-nya ada suatu benda yang di-buat azimat, lalu sahabat Ibnu Mas'ud menarek azimat itu dan memutuskan-nya. Kemudian ia berkata: "Demi sesunggoh-nya keluarga Abdullah bin Mas'ud terkaya (tidak sekali2) menyekutukan Allah dengan sa-suatu (berhala) yang Allah tiada menurunkan suatu hujjah atau dalil di-atas boleh menyekutukan-nya itu". Kemudian ia menyambong: "Saya telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda:

ان الرقى والتمائم والتولة شرك.

Erti-nya: *"Bahawa tangkal2 dan azimat2 dan tiwalah itu suatu shirik".*

Mereka berkata pula: "Wahai Aba Abdul Rahman! (Ibnu Mas'ud) Sesunggoh-nya tangkal2 dan azimat2 ini telah kami ketahui-nya, maka apa pula yang di-katakan tiwalah itu?" Jawab-nya: "Satu benda yang di-buat oleh perempuan2 supaya mereka dapat menzahirkan kaseh kapada suami2 mereka."

Sa-tengah ulama mentafsirkan erti tiwalah itu ia-lah suatu benda sa-macham siher atau ia suatu dari jenis siher yang di-buat oleh perempuan supaya dapat ia menzahirkan kaseh chinta kapada suami-nya.

Menurut suatu riwayat bahawa isteri Ibnu Mas'ud telah berkata kapada-nya: "Saya keluar rumah pada suatu hari, maka si-pulan telah melihat saya, dan mata saya yang sa-belah arah pulan itu telah melelehkan ayer mata. Apabila saya tanggalkan dia, berhenti-lah ayer mata itu, tetapi apabila saya biarkan meleleh-lah ia lagi."

Kata suami-nya: "Itu-lah perbuatan shaitan, apabila awak ikut perbuatan shaitan, ia tanggalkan awak, dan apabila awak derhaka kapada shaitan, maka ia chuchok mata awak, tetapi jikalau awak buat, bagaimana Rasulullah s.a.w. membuat-nya ada-lah ia lebeh baik untok awak, dan lebeh lekas awak semboh ia-itu awak renjiskan ayer pada mata awak, sambil bachakan:

اذهب الباس رب الناس واشف انت الشافي لاشفاء الا شفاؤك شفاء لايغادر سقما.



ADA berbagai2 jenis dan macham azimat serta tangkal. Gambar ini ia-lah sa-bahagian daripada-nya. Ada yang di-pakai di-lengan, ada yang di-kalongkan di-leher dan ada pula yang di-ikatkan di-pinggang. Ada-kah ia di-bolehkan pada hukum shara' ada-lah bergantong kapada jenis dan buatan-hya serta chara memakai dan menggunakan-nya. Ikuti-lah keterangan mengenai-nya dalam dua siri tulisan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja ini.

Erti-nya: *Mohon pergikan sakit itu, hai Tuhan Manusia! Dan mohon beri semboh wahai Tuhan penyemboh. Tiada ada kesembohan melainkan Engkau-lah yang menyembohkan iaitu semboh yang tiada meninggalkan sa-suatu kesakitan".*

Kata Al-Imam Ibnu Hajar lagi: Kedua2 tangkal dan azimat itu termasok dibawah ertikata dosa besar, ia-itu menurut amaran yang tersebut di-dalam hadith2 tadi, malahan lagi di-namakan dia shirik (menyekutukan Allah). Tetapi kata-nya pula: Tiada-lah saya melihat sa-orang ulama pun berterus terang menyebut begitu dengan khusus-nya, sekali pun dengan tiada sachara langsong ulama menyebutkan dengan ibarat yang boleh di-fahamkan bahawa kedua-nya itu dosa besar.

Kata-nya lagi: Hadith2 yang di-atas ini mesti-lah di-tanggongkan pada perbuatan orang2 yang menggantong kharazah, yang juga di-namakan oleh mereka azimat atau sa-umpamanya, kerana mereka berpendapat bahawa azimat itu boleh menolak benchana, maka i'tikad saperti ini ada-lah i'tikad jahil dan sesat, dan suatu dosa besar sekali pun tiada dapat di-katakan i'tikad shirik (menyekutukan Allah), tetapi ia boleh membawa pada shirik, kerana yang memberi manaf'at dan yang memberi mudharat dan yang menegah atau menolak kejahatan semata2 Allah jua bukan azimat2 itu.

Demikian-lah kata Al-Imam Ibnu Hajar ketika ia menghitong dosa2 besar dalam Az-Zawajir.

Kata-nya lagi: Ada pun tangkal2 yang di-tegah atau di-hitongkan dia suatu dosa besar ia-lah apabila di-i'tikadkan saperti i'tikad pada azimat (yang telah di-terangkan oleh Al-Imam Ibnu Hajar bahawa tangkal itu menolak benchana, pada hal menolak benchana dan memberi afiat ia-lah Allah jua tiada yang lain). Atau tangkal2 yang di-tegah itu ia-lah tangkal yang bukan tertulis dalam bahasa Arab dan tiada pula di-ketahui erti-nya, maka tangkal2 yang sa-macham ini ada-lah haram, sa-bagaimana telah di-tegaskan oleh Al-Imam2 Al-Khattabi, Al-Baihaqi dan lain2 ulama besar akan haram-nya.

Ada pun yang menunjokkan tangkal2 yang sa-macham itu haram ia-lah sabagaimana kata Al-Imam Ibnu Abdul Salam ketika orang bertanya kapada Rasulullah akan perkara tangkal2 itu, bersabda Rasulullah:

اعرضوا علي رقاكم.

Erti-nya: *"Tunjokkan kapada saya tangkal kamu itu". Sebab tangkal2 itu tiada di-ketahui tujuan-nya, boleh jadi ia siher atau perbuatan dan perkataan kufur.*

### TANGKAL YANG SUNNAT

Akhir-nya Al-Imam Ibnu Hajar menerangkan pendapat Al-Imam Al-Khattabi begini kata-nya: Ada pun apabila tangkal2 itu di-ketahui akan erti dan tujuannya dan ia mengandongi akan zikir kapada Allah, maka sunnat berbuat tangkal dengan-nya.

Berkata Al-Imam An-Nawawi (meninggal pada tahun 676 Hijrah) dalam Sharhul-Muhazzab: Menurut Al-Imam Al-Kadzi Hussain dan lain2 ulama Shafi'iah bahawa makruh bagi orang yang berhadath itu menanggong tangkal2 yakni azimat.

Al-Imam Abu Amru Ibni As-Salah mengatakan dalam fatwa-nya: Bahawa menulis azimat2 (huruz) dan menggunakan-nya ada-lah makruh, dan jangan di-gantongkan pada badan ada-lah qaul (pendapat) yang di-pileh (mokhtar).

### MEMAKAI AZIMAT

Dalam fatwa-nya yang lain kata-nya: Bahawa harus dan boleh di-gantongkan azimat2 yang di-buat dari ayat Kor'an ka-atas badan perempuan, kanak2 dan laki2 azimat itu di-simpulkan dengan lilin atau lain-nya, dan di-minta benar2 daripada perempuan2 dan orang2 yang memakai-nya itu jangan membawa azimat2 itu masok ka-dalam tandas (apa jua tempat buang ayer). Mengikut qaul yang di-pileh (mokhtar) bahawa tiada-lah makruh, apabila di-balut azimat itu dengan lilin dan dengan yang sa-umpama-nya kerana tiada sa-suatu nas pun yang menegah-nya.

Menurut Al-Imam Ibnu Jarir At-Tabari yang memetik pendapat Al-Imam Malik saperti ibarat di-atas (ibarat Al-Imam Ibnu As-Salah), kata-nya: Bahawa Al-Imam Malik berpendapat tiada mengapa azimat yang di-gantongkan pada perempuan2 yang sedang haidh, dan pada kanak2 ia-itu dari jenis azimat2 yang mengandongi ayat2 Kor'an, azimat2 itu hendak-lah di-letakkan dalam suatu tabong saperti tabong besi atau tabong kulit yang di-jahit meliputi-nya:

### DALIL

Menurut Al-Imam An-Nawawi pula: Boleh di-buat dalil bagi mengharuskan penggunaan azimat itu dengan bersandarkan hadith Amru Ibni Shuaib daripada bapa-nya daripada datok-nya bahawa Rasulullah s.a.w. ada-lah mengajar mereka dari terperanjat sabagaimana bachaan berikut:

اعوذ بكلمات الله التامة من غضبه وشر عباده ومن همزات الشياطين وان يحضرون.

Erti-nya: *Hamba berlindong dengan perkataan2 Allah yang lengkap sempurna dari murka Tuhan, dan dari kejahatan hamba2 Tuhan, dan dari kejahatan2 shaitan2 yang mengachau dan membuat gila kapada manusia, dan dari mereka (shaitan) datang kapada hamba.*

Berkata Amru: Bahawa ada-lah Sahabat Abdullah bin Amru, mengajar perkataan ini (doa ini) kapada mana2 anak laki2-nya yang telah baligh, dan mana2 yang belum baligh Sahabat Abdullah itu menulis doa ini. Kemudian di-gantongkan-nya ka-atas badan kanak2 itu. Hadith ini di-riwayatkan oleh Al-Imam2 Abu Daud dan At-Tirmizi.

Sa-bagaimana yang telah kita katakan bahawa Al-Imam Ibnu Hajar telah membahathkan perkara tangkal dan azimat ketika menghitong perkara dosa2 besar. Sementara Al-Imam An-Nawawi pula membahathkan perkara tangkal ini pada masa ia menyentoh perkara mushaf dan menanggong-nya oleh orang2 yang berhadath. Sekarang boleh-lah kita membuat kesimpulan pada masaalah tangkal dan azimat dari kata2 kedua-nya itu.

*Wallahu a'alam*

BERSAMBONG

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 16hb Januari 1980 hingga kahari Selasa 22hb Januari, 1980 ada-lah saperti dibawah ini:

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 16hb Jan | 12.36 | 3.57 | 6.32 | 7.44 | 5.03 | 5.18 | 6.35 |
| 17hb Jan | 12.36 | 3.57 | 6.32 | 7.44 | 5.03 | 5.18 | 6.35 |
| 18hb Jan | 12.36 | 3.57 | 6.32 | 7.44 | 5.03 | 5.18 | 6.35 |
| 19hb Jan | 12.36 | 3.57 | 6.32 | 7.44 | 5.03 | 5.18 | 6.35 |
| 20hb Jan | 12.36 | 3.57 | 6.32 | 7.44 | 5.03 | 5.18 | 6.35 |
| 21hb Jan | 12.37 | 3.58 | 6.34 | 7.46 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |
| 22hb Jan | 12.37 | 3.58 | 6.34 | 7.46 | 5.06 | 5.20 | 6.35 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# UGAMA ISLAM MEMBENTOK MASHARAKAT

ISLAM ada-lah ugama yang membentok masharakat, hidup bermasharakat ada-lah suatu perintah terhadap orang2 mukmin. Umat Islam di-larang dari melakukan sa-suatu perbuatan yang merugikan atau merosakan sa-sama makhlok Allah. Malah kaum muslimin di-galakkan supaya hidup laksana bersatu jasad di-mana apabila satu bahagian jasad terkena sakit maka seluroh jasad akan turut merasakan dan menderita kesakitan.

Al-Kor'an ada menyebutkan bahawa orang mukmin itu harus-lah menguatkan tali persaudaraan-nya dengan memelihara dan mengwujudkan perdamaian. Firman Allah yang bermaksud: *Sa-sunggoh-nya kaum muslimin itu bersaudara. Maka demikian-lah antara kedua saudara mu itu dan takut-lah terhadap Allah. Supaya kamu mendapat rahmat.*

Pengertian "islah" ada-lah memperbaiki sa-suatu keadaan atau hubongan yang rosak, ibarat satu benda yang sudah pechah atau telah putus harus-lah di-sambong kembali, kerana apa yang dapat kita lihat pada masa ini ia-lah bila sahaja terjadi sa-suatu perselisehan antara manusia sa-sama manusia maka kerap kali pehak yang berkenaan akan memutuskan hubongan dan bermasam muka. Saling tidak tegor menegor dan tidak sapa-menyapa.

Islam sentiasa menganjurkan supaya menchari titek2 pertemuan dalam segala hal dan masaalah. Harus-lah di-chipta hubongan yang harmoni, dan kalau terjadi perselisehan chari-lah jalan perdamaian (islah).




Umpama-nya dalam hidup berumah-tangga, bertikam-lidah dan tidak bersefahaman sering berlaku kerana hendak membenarkan diri masing2, sa-hingga menyebabkan salah satu dari kedua-nya akan terjadi korban percheraian. Percheraian bukan-lah satu penyelesaian yang hanya dapat di-buat dengan mulut dan lidah. Tetapi ia-nya memerlukan fikiran dan penyesalan kedua-nya. Dari itu Islam mempunyai tangga penyelesaian yang baik dan terator berlandaskan Al-Kor'an dan hadith untok di-ikuti. Di-samping percheraian penyelesaian yang terakhir bila jalan buntu telah di-temui untok menuju perdamaian. Allah berfirman dalam Surah An-Nisa' ayat 35 yang bermaksud: *Dan jika khuatir akan terjadi percheraian antara kedua-nya (suami isteri) maka utus-lah sa-orang hakim (orang tengah) dari keluarga suami dan sa-orang hakim dari keluarga isteri. Jika kedua-nya ingin menchari perdamaian (islah) neschaya Tuhan akan mempertemukan titek fikiran kedua-nya.*

Islam sangat2 mengambil berat tentang pemeliharaan perdamaian di-mana bila satu perjanjian perdamaian di-dalam peperangan di-cheroboh oleh salah satu pehak maka pehak yang mencheroboh boleh di-serang sa-hingga menyerah dan di-buat perjanjian damai sa-kali lagi dengan mengandongi unsor keadilan. Begitu-lah betapa teliti Ugama Islam memelihara tata-tertib hidup dan membimbing umat-nya ka-arah persefahaman dan perdamaian.

# HENDAK SERIBU DAYA...

## Bingkisan minggu ini

MEMANG-NYA tidak di-sangkalkan lagi, bahawa jika kita berkehendakkan sa-suatu, maka kita akan berusaha sa-daya upaya untok mendapatkan-nya walaupun harus melalui sa-ribu satu rintangan. Demikian juga sa-balek-nya, kita akan berusaha untok lari dari sa-suatu yang kita tidak ingini "Hendak sa-ribu daya dan tak hendak sa-ribu daleh".

Sa-orang penuntut mithalan-nya, jika ia terfikir bahawa pelajaran itu ada-lah salah satu keperluan yang amat berharga, tentu-lah ia tidak akan membiarkan masa-nya terbuang dengan begitu saja. Malah ia akan berusaha sa-daya upaya untok meningkatkan diri-nya dengan mengisi masa2 yang terluang dengan sa-suatu yang berfaedah kerana ia tahu kalau ia lalai dan malas tentu merugikan diri sendiri. Keazaman-nya akan bertambah kuat jika di-fikirkan-nya tentang suatu matlamat yang hendak di-tuju.

Tetapi sa-balek-nya, kalau dari awal2 lagi tidak di-tanamkan sikap inginkan pelajaran supaya menjadi pandai dan menjadi orang yang berguna, maka kehadhiran-nya ka-sekolah itu bukan-lah untuk menimba ilmu tetapi ada-lah sa-kadar memenohi kehendak ibu-bapa. Dan dari sini timbul-lah penyakit malas, lalai dan ingin 'escape' dari sekolah. Ini-lah satu chontoh yang nampak bila sa-seorang itu tak hendak akan sa-suatu itu.

Dalam hal yang lain, penageh dadah mithal-nya apabila sa-seorang itu telah termasok ka-dalam gulongan orang2 yang ketageh tentu-lah ia akan berusaha menchari wang untok membeli-nya. Tapi apa hal-nya jika wang tidak ada. Sedangkan ia benar2 memerlukan barang yang di-ketagehkan-nya itu. Tentu-lah ia akan berusaha menchari wang dengan jalan yang tidak betul, bertentangan dengan hukum2 ugama dan bertentangan dengan undang2 negara. Ia akan menchuri, memeras, merompak dan sa-bagai-nya, yang mana sa-mata2 untok menchari duit untok membeli apa2 yang di-ketagehkan-nya.

Begitu juga dengan orang2 yang tidak melibatkan diri dengan dadah. Walau machamana besar pun pengaroh kawan2-nya, namun ia akan berusaha dengan sa-ribu satu daleh.

Ini-lah antara chontoh2 hendak sa-ribu daya dan bila tak hendak ia akan mengeluarkan sa-ribu daleh.

Apa yang patut kita renongkan dan fikirkan ia-lah, kita sa-patut-nya berusaha sa-daya upaya untok mendapatkan sa-suatu yang berfaedah. Belajar mithal-nya, kalau kita bersunggoh-sunggoh menghadapi pelajaran tanpa lalai dan membuang waktu tentu-lah kita yang pandai dan bukan-nya orang lain. Begitu juga sa-balek-nya jika kita lalai dan malas kita sendiri juga-lah yang akan rugi.

Sementara itu, jangan-lah kita berusaha mati-matian untok mendapatkan sa-suatu yang tidak berfaedah dan merugikan. Kalau pernah terlanjur, chepat2-lah kembali ka-pangkal jalan agar jangan sampai kita mengambil jalan berusaha menchari-nya. Chuba kita bayangkan, apa akan terjadi jika dalam berusaha menchari yang bertentangan dengan ajaran2 Islam dan undang2 negara itu kita kedapatan oleh pehak2 berwajib. Tentu-lah diri sendiri yang menerima akibat-nya. Sendiri jua yang masok penjara dan sendiri jua yang mendapat malu bila tersiar melalui mas2 media.

Oleh yang demikian hendak-lah kita berhati-hati dalam hal2 sa-rupa ini agar kita tidak akan berada di-dalam kerugian. Dan ingat-lah akan kebaikan yang akan di-terima jika kita berusaha sa-daya upaya untok membuat yang berkebajikan. Jua mesti di-ingat akan akibat2 yang bakal di-terima jika kita berusaha untok membuat sa-suatu yang tidak betul dan bertentangan dengan perinsip2 keislaman dan undang2 negara.

Firman Allah ayat 69 Surah Al-Ankabut bermaksud: *"Dan orang2 yang bersunggoh-sunggoh dalam urusan neschaya Kami akan tunjokkan jalan-nya. Dan sa-sunggoh-nya Allah bersama orang2 yang berbuat kebaikan".*

# Memelok Ugama Islam

BERTEMPAT di-rumah Ketua Kampong Masin, Awg Hj Bongsu bin Kadir telah berlangsong satu majlis pengIslaman bagi sa-orang pemuda Tiong Hwa, Lai Thien.

Lai Thien yang di-kenali sa-bagai Mohd Irwandy Shah bin Abdullah telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Datu Seri Utama Awg Hj Ismail bin Mat Serudin. Turut hadzir di-majlis itu beberapa orang pegawai dari Bahagian Penerangan dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei serta pendudok kampong sekitar-nya.

Juga memelok Ugama Islam minggu lalu ia-lah sa-orang wanita Inggeris yang berasal dari United Kingdom. Majlis pengIslaman itu telah di-langsongkan di-rumah Awg Hj Besar bin Haji Bakar di-Kampong Bakut Berumput, Kampong Ayer.

Dalam majlis pengIslaman yang berjalan pada malam Rabu, 9hb Januari itu, Dayang Juliett Packer berusia 26 tahun telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Dayang Juliana bte Abdullah.

Upachara pengIslaman itu telah di-sempurnakan di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Datu Seri Utama Awg Hj Ismail bin Mat Serudin.

Majlis tersebut juga telah di-serikan dengan berdikir yang turut di-hadhiri oleh beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei dan pendudok2 kampong berkenaan.



GAMBAR atas menunjokkan majlis akad Islam itu sedang di-jalankan. Gambar JHEU.

# DUA RANG UNDANG2 DI-LULUSKAN

## Undang2 Juru Ukor Tanah

SATU Undang2 untok membuat sharat bagi meleseni dan mengawal juru ukor tanah dan perkara2 yang berkaitan dengan-nya telah di-perkenankan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam sidang Majlis Mashuarat Negeri yang lalu.

Undang2 tersebut ada-lah sa-bagai satu langkah Kerajaan untok mengatasi masaalah yang di-hadapi oleh Jabatan Ukor, kerana jabatan tersebut ketika ini telah menghadapkan kesebokan berikutan dengan bertambah-nya permohonan untok mengukor tanah yang hendak di-majukan atau hendak di-pechah dari orang ramai.

Undang2 itu juga ia-lah bertujuan untok membolehkan supaya kerja2 pengukoran tanah akan dapat di-jalankan oleh juru2 ukor persendirian di-bawah kawalan undang2.

Undang2 berkenaan menentukan bahawa sa-seorang juru ukor persendirian yang menjalankan kerja2 tersebut di-kehendaki menghadapkan pendaftaran menurut Bab 6 dan mengambil lesen tahunan menurut Bab 7.

Bagaimana pun tidak semua juru ukor persendirian boleh di-daftarkan di-bawah undang2 tersebut.

Dalam Bab 6 undang2 itu ada mensharatkan bahawa mereka yang layak di-daftarkan, menerusi undang2 itu hendak-lah mereka yang berkelulusan dalam sa-suatu pepereksaan profesional yang di-iktiraf oleh Lembaga Juru Ukor yang mana terdiri dari Juru Ukor Agong, sa-bagai pengerusi dan tidak kurang dari empat orang ahli lain, yang di-lantek oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mashuarat.

Dalam chara perlaksanaan juru2 ukor persendirian menjalankan kerja2 mereka, undang2 berkenaan ada mensharatkan bahawa tiap2 pengukoran geran tanah yang di-maksudkan hendak-lah terlebeh dahulu di-pereksa oleh Juru Ukor Agong, sa-belum ia-nya di-buat pelan, yang boleh di-pakai sa-telah kerja2 pengukoran2 selesai di-jalankan, dan segala buku kerja yang berhubong dengan-nya akan jadi milek kerajaan dan di-simpan sa-bagai pengukoran yang kekal.

JURU UKOR AGONG MENJADI PENDAFTAR

Lembaga hendak-lah menyebabkan supaya sa-buah Daftar di-simpan mengikut bentok di-tentukan dalam Jadual Pertama dan bayaran sa-banyak lima puloh ringgit hendak-lah di-kenakan bagi tiap2 pendaftaran.

Juru Ukor Agong hendak-lah menjadi Pendaftar bagi Juru2 Ukor Tanah Yang Berlesen, dan hendak-lah menyebabkan supaya di-siarkan: —

(a) dalam Warta Kerajaan yang akan datang berikutan dengan tarikh pendaftaran, nama tiap2 juru ukor tanah yang berlesen yang telah di-daftarkan;

(b) di-dalam Warta Kerajaan keluaran bulan Januari tiap2 tahun satu senarai yang mengandongi nama2 semua juru ukor tanah yang berlesen yang maseh ada dalam daftar pada penghujong tahun yang lalu.

(c) menyimpan Daftar itu dengan betul menurut sharat Undang2 ini;

(d) menyebabkan supaya chatetan di-buat dalam daftar itu jika berlaku pembatalan atau penggantongan mana2 lesen untok menjalankan tugas;

(e) memotong dari daftar nama sesiapa jua pun, yang bukan juru ukor kerajaan, yang lesen-nya untok menjalankan tugas telah tidak di-baharui sa-belum satu haribulan Februari dalam sebarang tahun;

(f) memasokkan semula ka-dalam daftar mana2 nama yang telah di-potong dari daftar itu dengan atau tanpa bayaran2 yang di-tetapkan.

AMALAN MENYALAHI UNDANG2

Sesiapa jua yang bukannya juru ukor tanah yang berlesen atau juru ukor kerajaan, mengesahkan ketetapan mana2 pengukoran geran atau menanda-tangani atau memerap mana2 pelan pengukoran atau yang bukan sa-seorang yang bertindak di-bawah arahan dan pengawasan sa-seorang juru ukor tanah yang berlesen sendiri dengan sa-chara langsong menjalankan sebarang kerja yang berkaitan dengan sesuatu pengukoran geran ada-lah bersalah terhadap undang2 ini dan boleh di-kenakan hukum denda yang tidak melebehi lima ribu ringgit bagi tiap2 kesalahan dan hukum denda selanjut-nya sa-banyak lima puloh ringgit bagi tiap2 hari semasa terus berlaku kesalahan tersebut.

KENYATAAN DAN PENERANGAN

Pada masa ini tidak ada sebarang undang2 yang mengadakan sharat bagi juru2 ukor sendirian untok menjalankan pengukoran2 geran tanah. Rang Undang2 ini bertujuan untok mengadakan kawalan dan untok mendaftarkan juru2 ukor yang berkelayakan bagi menjalankan pengukoran2 geran tanah.

Yang demikian tujuan Rang Undang2 ini ia-lah untok mengadakan sharat bagi pendaftaran juru2 ukor tanah di-dalam Negeri ini dan untok membolehkan juru2 ukor sendirian menjalankan pengukoran2 geran tanah serta menentukan supaya hanya orang2 yang benar2 berkelayakan sahaja menjalankan tugas2 ini.



## Mengawal perbuatan penchemaran di-tempat awam

UNDANG2 Kesalahan (Pindaan) 1979 telah di-luluskan untok di-laksanakan. Undang2 ini bertujuan untok mengemukakan sharat2 baru di-dalam Undang2 Kesalahan Kechil, yang mengatakan kesalahan2 serta hukuman2 berthabit dengan kechemaran di-tempat2 awam dan pembuangan kenderaan dan barang2 lain dengan tiada kebenaran di-mana2 bahagian jalanraya atau di-atas mana2 tanah dengan terdedah.

Undang2 itu ada-lah bagi mengawal perbuatan2 yang boleh menerbitkan penchemaran.

Undang2 Bandaran yang ada sekarang ini ada-lah perlu di-perkuatkan dan dengan ada-nya pindaan ini, ia-nya akan meletakkan perbuatan2 penchemaran itu, sa-bagai satu perbuatan jenayah yang boleh di-hukum sa-hingga sa-ribu ringgit bagi kesalahan pertama atau $3,000.00 bagi kesalahan kedua atau berikutnya.

Pindaan undang2 itu ada-lah bagi menchegah perbuatan pembuangan barang2 yang tidak berguna di-tempat2 awam dan juga menyimpan atau membiarkan apa jua benda atau barang yang chebisan2-nya yang menyebabkan kotoran. Undang2 ini juga ada-lah menchegah dari perbuatan membuang, membuboh, menumpahkan atau menyelerakkan apa jua chara, ayer asin, makanan babi, zat chair yang merosakkan atau apa jua jenis bahan yang jijik atau kotor yang menyebabkan-nya mengalir ka-tempat2 awam.

Undang2 itu juga menchegah kenderaan2 yang bergerak dari mengugorkan, menumpahkan atau menyelerakkan apa jua kotoran, pasir, tanah, batu kerikil, tanah liat, tanah subor, batu, rumput, jerami tatal, abok gergaji, abu, sampah dan segala kotoran binatang dan perusahaan dalam mana juga tempat2 awam. Ada-lah juga menjadi kesalahan di-bawah undang2 itu kira-nya terdapat perbuatan2 membuang botol, kacha, tin, bekas penyimpan makanan atau apa jua benda, dengan tidak tentu arah. Undang2 itu juga melarang dari meninggalkan terbengkalai kenderaan2 atau bangkai2 kenderaan di-jalan2raya atau di-tanah2 dengan terdedah.

CHATETAN PENERANGAN

Rang Undang2 ini bertujuan untok mengemukakan sharat2 baharu di-dalam Undang2 Kesalahan Kechil yang menjadikan kesalahan2 serta hukuman2 berthabit dengan kechemaran di-tempat2 awam dan pembuangan kenderaan dan barang2 lain dengan tidak kebenaran di-mana2 bahagian jalanraya atau di-atas mana2 tanah dengan terdedah.



KEADAAN2 saperti kelihatan dalam gambar2 ini ada-lah menyalahi undang2 baru ini dan boleh di-hukum.



## 10 orang penuntut lulus SPU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kira2 70 peratus dari chalun2 yang mendudoki pepereksaan Sijil Pelajaran Ugama pada tahun lalu telah lulus.

Menurut keputusan yang telah di-keluarkan oleh Bahagian Pelajaran Jabatan Hal Ehwal Ugama minggu lalu, menunjokkan bahawa sa-puloh orang dari tiga belas orang chalun yang mendudoki pepereksaan tersebut telah lulus.

Dari jumlah itu, sembilan orang telah mendapat pangkat satu dan sa-orang mendapat pangkat tiga sementara tiga yang lain-nya telah gagal.

Penuntut2 yang telah berjaya dalam pepereksaan tersebut dengan mendapat pangkat satu terdiri dari Dayang Jamaiah binte Haji Abd Manaf; Awg Abd Aziz bin Haji Yusof; Ak Bahrum bin Pengiran Bahar; Dayang Siti Zaleha binte Abd Salim; Dayang Siamah bte Sirabaha; Dayang Nor Zainab bte Buntar; Dayang Siti Azizah bte Musa; Dayang Puasa bte Hj Jumaat dan Awg Abd Aziz bin Samsuddin.

Sementara sa-orang penuntut yang mendapat pangkat tiga ia-lah Awang Omar bin Tahir.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 16HB JAN.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — 'Turnabout Intruder'
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 BEWITCHED — 'One Touch of Midas'
Oleh kerana Samantha merasa serba kekurangan, Endora chuba menentukan agar Darrin menjadi murah hati.
7.36 WHO PAYS THE FERRYMAN ? — 'A River to Cross'
Satu perchuban ka-atas nyawa Haldane membawa kematian kapada tiga orang anak perempuan-nya dan keluarga-nya.
7.44 AZAN ISHA
7.48 WHO PAYS THE FERRYMAN ? — — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 LULU IN DUBAI
9.55 ROAD TO MOSCOW
10.40 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 17HB JAN.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BIG BLUE MARBLE
6.27 DR WHO — "The Seeds of Doom" Bahagian ke-enam.
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 DR WHO — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 HIDAYAT
7.36 CENTENNIAL
7.44 AZAN ISHA
7.48 CENTENNIAL — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BERITA — DUNIA MINGGU INI
9.55 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
11.15 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 18HB JAN.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 PINOCHIO
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 CHILDREN'S WORKSHOP
6.27 MUPPETS — "Liberace"
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 MUPPETS — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 ANIMAL WORLD — "Trapper of the Amazon"
7.36 THE DONNIE AND MARIE SHOW
7.44 AZAN ISHA
7.48 THE DONNIE AND MARIE SHOW — sambongan



EAMONN COGHLIN berlumba bersama STEVE SCOTT dalam perlumbaan 1500 meter di-Pepsi UCLA Meet, salah satu achara dalam "ROAD TO MOSCOW — 1980" tayangan-nya pada jam 9.55 malam ini.

8.30 WARTA BERITA
8.45 PERUBATAN
9.15 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
10.00 HAWAII FIVE O — "Wooden Model of a Rat"
Dalam chubaan untok memusnahkan satu kegiatan penyeludupan barang2 oriental yang ganjil dan seni, ketua Five-O McGarrett mendapati diri-nya menjadi sasaran kerana memiliki barang2 haram. McGarrett sedar bahawa ia telah di-peralatkan oleh penjahat yang tidak di-kenali untok menghalang McGarrett dari membuat penyiasatan.
10.50 SHADOW OF FEAR — "White Walls and Olive Green Carpets".
11.40 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 19HB JAN.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KUM KUM — "Old Mother Dark Eyes"
Kanak2 bermain di-hutan terjumpa anak2 kembar enam. Mereka menchari ibubapa mereka tetapi gagal, jadi-nya mereka membawa balek anak2 itu ka-kampong.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 DOKUMENTARI MELAYU — "Predators of the Sea" Bahagian ketiga.
7.36 TARGET
7.44 AZAN ISHA
7.48 TARGET — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 CHERAMAH MAULUD
9.25 KAZ — "A Case of Murder"
Samuel Bennett, dengan bantuan teman sekerja yang muda belia, Kaz dan Colcourt membela David Farady, ahli kapada satu keluarga yang ternama yang menghadapi perbicharaan kerana membunoh, tetapi kemahiran kedua mereka dalam undang2 tidak dapat menolong dalam pembelaan ini.
-0.15 BIG LEAGUE SOCCER
11.05 TAYANGAN MALAM MINGGU — "The Vanquished"
12.35 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 20HB JAN.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 AL-KESAH
5.45 READING WITH LENNY
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE GREEN HORNET
6.26 SCIENCE INTERNATIONAL
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 SCIENCE INTERNATIONAL — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 MIXED BLESSINGS — "Your Money of Your Life"
7.36 DUKE
7.44 AZAN ISHA
7.48 DUKE — sambongan
8.30 WARTA BERITA
8.45 CHERAMAH MAULUD
9.05 MUTIKA
9.50 DRAMA : "Lucky"
Lucky ada-lah sa-orang pemuda kachokan belasan tahun dan kerap menchuri dan baharu saja di-lepaskan dari penjara Liverpool. Ini ada-lah kesah hari pertama-nya ia mendapat kebebasan.
10.50 THE NEXT STEP BEYOND — Sa-orang lelaki muda "Teringat" kejadian catacyclysmic dalam penghidupan bapa-nya yang berlaku sa-belum ia di-lahirkan.
11.20 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 21HB JAN.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HERE COMES MUMFIE
5.15 MIGHTY HERCULES
5.30 POSITIVE SOCCER
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS —
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 THE LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — sambongan
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.15 PETROCELLI — "A Lonely Victim"
Sa-orang wanita muda mengaku telah memutuskan hubongan chinta-nya yang lama dengan sa-orang lelaki yang telah beristeri sa-belum ia di-dapati terbunoh untok membela-nya dari satu tudohan membunoh walau pun terdapat bokti kesalahan-nya.
7.46 AZAN ISHA
7.50 PETROCELLI — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 CHERAMAH MAULUD
9.10 PUSPARAMA
10.00 DOCTOR PRIVATE LIVES
10.50 LOU GRANT — "Prisoners"
11.30 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 22HB JAN.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 VISION ON
5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Raid on Riga"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BLAKE SEVEN
Blake dalam penjelmaan-nya dengan kapal angkasa menuju ka-Cygnus Alpha. Ia menemui Jenna Stannis, sa-orang penyeludup, dan Vila Restal, sa-orang penchuri.
6.34 AZAN MAGHRIB
6.38 BLAKE'S SEVEN — sambongan
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.05 DOC : "The Coral Jungle"
Ranchangan ini memperlihatkan ikan2 jerung, mangsa serangan jerung, penyelam2 dasar lautan dengan berbagai tugas termasok memberi makan di-waktu malam satu tugas yang membahayakan.
7.46 AZAN ISHA
7.50 DOC : — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 LIFELINE
10.05 THE BIG VALLEY
11.15 WRESTLING
11.55 SIARAN TAMAT.







THE
ramn
will b
—Jo
Tand
Servic
1980
22nd
ring
tel. n2

# Titian Sastera — ranchangan baru di-Radio Brunei

SA-BUAH ranchangan yang di-beri nama, TITIAN SASTERA, terbitan Bahagian Sastera dan Kebudayaan, Bahagian Melayu Radio Brunei, siaran-nya tiap2 HARI SABTU jam 9.30 malam, dan ulangan-nya tiap2 HARI AHAD 10.15 pagi.

Ranchangan yang memakan masa 15 minit ini, mengundang sasterawan2 tanah ayer, untok memberikan apa jua bahan2 saperti Sajak, Puisi dan sebagai-nya bersangkut paut dengan sastera. Tujuan ranchangan ini di-adakan, ia-lah semata2 memberikan peluang penyaer2 tanah ayer kita menghantarkan karya2 untok di-muatkan ka-dalam ranchangan tersebut.

Keluaran pertama ranchangan ini, para pendengar akan di-bawa mengikuti hasil rakaman kami di-achara2 perkembangan puisi anjoran Persatuan ASTRAWANI yang telah di-adakan dalam bulan Disember tahun lalu.

**KELIHATAN dalam gambar atas kiri, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md Yusoff bin Pg Haji Abd Rahim, bapak sasterawan angkatan 40 dan 50an di-Brunei, telah mencheritakan mula-nya sastera bertapak di-Brunei sa-hingga ka-hari ini. Cheramah Yang Amat Mulia itu, di-siarkan dalam minggu kedua bulan Januari 1980.**

**Gambar atas kanan pula, sasterawan2 kita bersama2 sasterawan dari Kota Kinabalu, Sarawak dan Malaysia Barat membinchangkan sa-suatu perkara.**



## Melody A

KANAK2 bakal pemi masa yang akan dat bila mereka dewasa kelak orang kanak2 mempunya yang tersendiri, umpama-n seni (seni suara, musik) so sa-bagai-nya.

Untok memberi peluang kap yang berminat dan mempunyai suara, Bahagian Melayu Radio B hagian Hiboran) memberi pelua adek2 untok mengambil bahag ranchangan baru MELODY A terbitan Muhamad Haji Damit, siarkan tiap2 HARI SELASA, pagi, dan ulangan-nya tiap KHAMIS jam 8.30 pagi. Kand changan ini, ia-lah menyanyi d ramah dengan penerbit.

Adek yang akan mengisikan an Melody Adek Ku minggu ini wan bin Md Said, naib-johan Bi chil 1979 (gambar kiri).



**JAN Chappell sa-bagai Cally dan Gareth Thomas sa-bagai BLAKE dalam siri baru BLAKE'S SEVEN' yang akan di-tayangkan mulai hari Selasa jam 6.05 malam.**

# RANCHANGAN P

RANCHANGAN Pop Minggu ini, di-perkenalkan kapada peminat2-nya mulai minggu pertama (hari Ahad) bulan Januari 1980, jam 8.30 pagi. Peminat2 di-minta bersedia sa-tiap keluaran-nya di-peti Radio masing2 untok mengikuti perkembangan penyanyi2 pop yang mana penerbit akan menyusun penyanyi mana-kah yang paling top berdasarkan lagu2 permintaan yang awda kirimkan sa-tiap hari ka-Bilek Bahagian Melayu Radio Brunei.

Untok para pendengar menyertai ranchangan ini, di-kehendaki menyusun semua sa-tiap keluaran-nya ka-udara. Sekira-nya sama penyusunan itu saperti yang di-kehendaki oleh penerbit, akan di-berikan sagu hati sa-banyak $15.00 bagi minggu pertama, $25.00 bagi minggu kedua, $40.00 bagi minggu ketiga. Sekira-nya tidak sa-orang pun dapat menyusun lagu2 itu saperti yang di-kehendaki oleh penerbit, maka hadiah sagu hati akan di-turunkan sa-banyak $15.00.

Di-antara lagu2 yang di-senaraikan keluaran minggu pertama bulan Januari 1980, ia-lah :

1. Kawan ku Kemana Pergi — ROS MARIA
2. Engkau Segala-nya — SUDIRMAN HAJI ARSHAD
3. Jalan Pulang Ka-Desa — SHARIFAH AINI

# intisari RTB minggu ini




## Two Away for No

...el on this week's Two Away For No prog... with Pg Asmalee Pg Ahmad as the chairman, ...rmed by another two husband-and wife teams ...nd Doreen Hughes, and David and Jane ...his programme can be heard on the English ...f Radio Brunei, this Sunday, 20th January ...00 pm, and will be repeated next Tuesday, ...uary, at 9.30 pm.

...u wish to take part in this programme, just ...he Producer, Nafisah Haji Ali through RTB, ...3111 Ext 243.

## ...ek Ku ranchangan untok adek2

...ben di- ...dapa- ...elza-se- ...akat ...akat ...) dan

...adek2 ...a seni ...io (Ba- ...pada ...dalam ... KU ...g di- ...10.30 ...IARI ...ran- ...emu-

...nang- ...Er- ...Ke-

**SHARAT2 UNTOK MEMASOKI-NYA**

1. Adek2 di-kehendaki menyediakan tiga buah lagu, sesuai untok kanak2.
2. Hendak-lah menchapai umor enam tahun hingga 12 tahun.
3. Tidak kira ugama, bangsa, asalkan adek2 berminat dan mempunyai bakat dalam seni suara.

Di-bawah ini di-sertakan borang penyertaan :

Nama Penoh : ..........................................

Nama Penjaga : ..........................................

Alamat : ..........................................

Tel (jika ada) : ..........................................

Bersekolah di-mana : ..........................................

T.T. Pemohon : ..........................................

Borang2 di-hantar kapada :
Penerbit Melody Adek Ku,
Bahagian Melayu,
Radio Brunei,
Brunei.



## Awang Omar in Brunei Graduates this week

BRUNEI Graduates this week features Awang Omar bin Hj Khalid, the Assistant Principal of the Perdana Wazir English School in Kuala Belait.

Awang Omar graduated in 1976 with B. Sc (Hons) in Chemistry and Physiology from the University of Salford, United Kingdom and obtained his graduate Certificate in Education from University of Leeds in 1977.

This programme goes on air tommorrow at 12.45 p.m. and repeated on Sunday, 20th January at 8.00 p.m.

This picture shows Awg Omar (left) with Awang Haji Ahmad Murad of the Religous Affair Department and the producer, Vivianti Ali.

# ...OP MINGGU INI

4. Joget Gembira
— CAMELIA M
5. Kata-kan Lah
— NORIDAH HAIRUDDIN
6. Kawan Setia
— D. J. DAVE
7. Si-Gadis Manis
— ALICE SOUND
8. Mata Keranjang
— AIDA/JAMALIAH

Di-antara lapan buah lagu yang ...i-kemukakan oleh penerbit, penyanyi kegemaran ramai, Sharifah Aini ...elah berjaya mendudoki tempat ...ang paling atas dengan lagu-nya ...alan Pulang Ka-Desa. Dan untok ...inggu berikut-nya, penerbit akan ...engemukakan sa-banyak lapan buah lagu yang sama. Sekira-nya satu2 lagu yang di-chalonkan itu, sabanyak dua kali mendudoki tangga yang akhir sekali (tangga yang ke-8), penerbit akan mengeluarkan lagu tersebut dari senarai Pop Minggu Ini, akan di-gantikan dengan lagu2 keluaran baru, untok di-chalonkan.

Untok menyertai Pop Minggu Ini, para peminat boleh-lah menghantarkan senarai lagu2 yang sudah pun di-susun, kapada Penerbit Pop Minggu Ini, Bahagian Melayu Radio Brunei, Bahagian Hiboran, tidak lewat pada hari Sabtu jam 4.00 petang. Dan jangan lupa menchatetkan bilangan siri keluaran ranchangan Pop Minggu Ini.



DUA orang watak yang akan membintangi drama 'LUCKY' yang akan di-tayangkan pada hari Ahad jam 9.30 malam.

# *Susunan ranchangan* MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Minggu Ini (SU); 8.30 — Permintaan Pagi Rabu; 9.30 — Lagu dan Senikata; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Pilehan Ku; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph Pendengar. T/HARI: 12.00 — Surat Dari London; 12.15 — Senandong Ria — Azan Dzohor; 12.30 — Senandong Ria; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Al-Kisah; 1.30—Sa-Iring Jalan. PETANG: 200.—Siaran Melayu Di-Tamatkan. 5.00 — Untok Belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Asli; 6.00 — Mukkaddam — Azan Maghrib (menunaikan sembahyang); 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Dalam Kenangan (SU); 7.30 — Dendang Tumasek; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30—Pesta Ria/Suara dari Bintang2 (SU); 9.00 — Majallah Shell (SU); 9.30 — Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Rampaian London; 8.15 — Hiboran; 8.30 — Melody Adek ku (SU); 9.00 — Tafsir Al-Koran; 9.30 — Rampai Sari Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Selingan; 10.30 — Al-Kisah; (SU); 11.00 — Lagu2 Asli Asia; 11.30 — Chitrawara. T/HARI: 12.00 — Lagu2 Panduan (Duty Ann) — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu-kah Awda; 1.30 — Mari Menyanyi. PETANG: Siaran Melayu Di-Tamatkan; 5.00 Majallah Ugama/Kemuskilan Ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Lagu2 Dakwah; 6.00 — Mukkadam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Permainan Gambus; 7.30 — Hidayat — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Sandiwara Radio (SU); 9.00 — Permintaan Malam Khamis; 9.30 — Tetamu Minggu Ini (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Pertanian dan Perikanan; 8.30 — Mari Menyanyi (SU); 9.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30 — Diang Dangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Soalan Di-Udara; 10.30 — Dari Kampong Ka-Kampong; 11.00 — Kursus Al-Koran; 11.30 Keluarga Jaya. TyHARI: 12.00—Lagu2 Dakwah; 12.15 — Bachaan Al-Koran; 12.30 — Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Permainan Gambus (SU). PETANG: 2.15 — Varia Peristewa; 2.30 — Combo RTB/Sinar Chahaya; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa Pendapat Awda; 3.30 — Tafsir Al-Koran—Azan Asar; 4.00 — Bahas Ka-Sekolah; 4.30 — Chitrawara; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mukkadam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Cherpen dan Salokan; 7.30 — Hiboran; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## SABTU

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Soalan Di-Udara; 8.30 — Dendang antara Bangsa; 9.30 — Apa Pendapat Awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran; 10.30 — Sa-Iring Jalan (SU); 11.00 — Majallah Shell; 11.30 — Berdendang Dengan Ku. T/HARI: 12.00 — Dunia Mingu Ini — Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Hujong Minggu. PETANG: 2.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30 — Lagu dan Senikata (SU); 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Hiboran Pilehan; 3.30 — Cherpen dan Salokan (SU) — Azan Asar; 4.00 — Bersama Kami; 4.30 — Chitrairama; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 lama; 6.00 — Siri Mukkaddam — Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM: 7.00 — Dari Kampong Ka-Kampong (SU); 7.30 — Lagu2 Asli Asia (SU) — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Purbawara; 9.00 — Tunas Pendidek (SU); 9.30 — Titian Sastera/Budaya Kita; 9.45 — Rampaian Malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## AHAD

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Wanita; 8.30 — Pesta Pop Minggu Ini; 9.00 — Teman Mekar; 9.30 — Apa Pilehan Awda; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30—Pencharagam Tempatan; 11.00—Siswazah Brunei; 11.30—Album Penyanyi. T/HARI: 12.00 — Sandiwara Radio—Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Suara Bintang/Pesta Ria; 1.30 — Ruangan Ketani; 1.45 — Pilehan Instrumental. PETANG: 2.00 — Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun — Azan Asar; 3.45 — Sokan dan Olahraga; 4.15 — Dari Sekolah Ka-Sekolah; 4.45 — Pilehan Juruhebah; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mari Berzikir; — Azan Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini (SU). MALAM: 7.00—Suara Parajurit— Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Gurindam Jiwa; 9.00 — Tahu-kah Awda (SU); 9.30 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi; 10.07 — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## ISNIN

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Dalam Kenangan; 8.30—Rampai Sari Hiboran; 9.00 — Antara Bangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang Dengan Ku; 10.30 — Sains dan Perusahaan; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer. T/HARI: 12.00 — Komintar Radio; 12.15— Rampaian Tengah Hari — Azan Dzohor; 12.30 — Rampaian Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Sukaramai; 1.30 — Tunas Pendidek. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu Berhenti Rehat. 5.00 — Keluarga Si-Awang; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Mukkaddam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Penyanyi Harapan; 7.30 — Bersama Kami (SU)—Azan Isha; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita— Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Chitra Irama; 9.00 — Pertanian dan Perikanan; 9.30 — Dendang Muzika Melayu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

## SELASA

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara, 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Parajurit (SU); 9.00 — Permintaan Untok Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London; 10.30 — Melody Adek-ku; 11.00 — Salam Mesra; 11.30 — Sekolah Ka-Sekolah. T/HARI: 12.00 — Ku Sampaikan Salam — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00— Tamu Minggu Ini; 1.30 — Gurindam Lagu (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu Berhenti Rehat. 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran Petang; 6.00 — Mukkadam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: Ruangan Ketani (SU); 7.30 — Album Penyanyi (SU) — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30— Pancharagam; 9.00 — Dunia Wanita (SU); 9.30 — Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi— Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Lunch Music. NOON: 12.00 — Hits In Germany. PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — The RTS Orchestra; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — You are What You Eat — Programme 3: "Making The Best of it" (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — Shape of the Future — Viviyanti Ali (repeat); 9.45 — Frank Chacksfield and His Orchestra; 10.00— Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.5C — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Radioscope New Year Edition (repeat); 11.45 — World of Education. NOON: 12.00 — My Music—202/215; 12.30 News; 12.45 — Brunei Graduates produced by Viviyanti Ali; 1.15 — What Fascinates Me by Jan Ong produced by Veronica Shim; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—Theatre Forty-Five: "The Violent Sun" by Han Fors; 8.45 — Those were the Days by Jaafar Yaakub; 9.15 — News; 9.30 — Popular Classic — Programme 12: "Concertos" (Romantic) by Hajjah Zainah; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Rock Line, 11.15 — Night of the Wolf Part I; 11.45—Light Music From the Netherlands. NOON: Radioscope by Viviyanti Ali. PM: 12.30 — News; 12.45 — My Word; 1.15 — Folktales and Legends of Borneo by Graham Saunders produced by Charan Chand; 1.30— Close Down. 8.00 — Opening Announcement—Cleo Lane sings with the John Dankworth Quartet; 8.30 — Calling On You by Sheikh Abbas; 9.00 — Folktales and Legends of Borneo (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Dr. Finlay's Casebook; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Stringsound; 11.30 — International Call. NOON: Many A Slip. PM: 12.30 — News; 12.45 — BBC World Report; 1.00 — Just For Variety by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — A Handful of Dust by Evelyn Waugh; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Top of the Pops (repeat). NOON: 12.00 — Women's World by Charan Chand. PM: 12.30— News; 12.45 — Programme 4: "The Universal Food"; 1.00 — "Two Away For No" by Nafisah Haji Ali; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Brunei Graduates (repeat); 8.30 — Perspective; 8.45 — The Young Sound by Tajul Ahmad; 9.15 —News; 9.30 — Sunday Night's Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. NOON: 12.00—Dr In the House. PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15 — Patoven's Electric Orchestra; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—The World of Books; 8.30 — Monday's Night Mail by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — The World of Books; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazine; 11.15 — Housewives' Special; 11.45 — Just A Minute; NOON: 12.15 — Shape of the Future by Viviyanti Ali. PM: 12.30 — News; 12.45 — Music Impromptu — From East to West by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special "Ian Dury and The Blockheads; 8.30—Radioscope (repeat); 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — "Two Away For No" (repeat); 10.00 — Close Down.

## APA PILEHAN AWDA



DAYANG Teri Muteri binte Jais, No. 98, Kampong Kilanas, Batu 7, Jalan Tutong akan mengisikan ranchangan "Apa Pilehan Awda" minggu ini.

Lagu2 pilehan Dayang Teri Muteri akan dapat di-dengar melalui Radio Brunei pada hari Ahad 20hb Januari, jam 9.30 pagi.



LEFTENAN Kolonel R. A. Evans, Pegawai Pemerentah Batalion Kedua Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, pada pagi Khamis, 10hb Januari, 1980 telah berlepas meninggalkan negeri ini menuju United Kingdom sa-telah menamatkan tempoh perkhidmatan-nya dengan pasokan tersebut.

Beliau telah memegang jawatan itu sa-lama dua tahun dan di-pinjam dari pasokan tentera British, kini tugas beliau di-gantikan oleh Lt Kol Bennet juga pegawai pinjaman.

Upachara perpisahan beliau hari itu di-serikan dengan perbarisan dan perarakan oleh pegawai2 serta anggota2 pasokan berkenaan dalam mana bekas pegawai pemerentah itu (gambar kiri) sedang di-arak dengan menaiki salah sa-buah kereta perisai peninjau jenis Sultan dari Pasokan Perisai Peninjau dan gambar kanan Lt Kol Evans sedang menerima chenderamata yang berupa pengayoh yang di-sampaikan oleh Timbalan Pemerentah Batalion Kedua, YDM Pehin Datu Harimau Padang Mejar Haji Hussein. (Gambar AMDB).



# "KAP KAP UDANG" RANCHANGAN BARU DI-TVP

TALIVISHEN Pendidekan akan memulakan ranchangan bagi tahun 1980 pada hari Isnin 21hb Januari, 1980 dengan menerbitkan dua siri pelajaran ia-itu 'Sains dan hidupan di-Brunei' dan 'Kap Kap Udang'.

Siri Sains dan hidupan di-Brunei di-tujukan khas kapada darjah 4, 5 dan 6.



CHE'GU Sa'diah sedang berbual-bual dengan Si-Manis di-dalam ranchangan Kap Kap Udang.

Kap Kap Udang pula ada-lah ranchangan yang li-tujukan khas untok kanak2 kechil yang belum bersekolah dan yang sedang menghadhiri pra-sekolah. Sa-tiap hari Che'gu Sa'diah akan bersama enam orang kanak2 yang berusia empat atau lima tahun dan membawa mereka belajar, melukis, menyanyi, bercherita, bermain dan membuat lain2 aktibiti yang menyeronokkan. Dalam tiap2 ranchangan Che'gu Sa'diah menjemput kanak2 yang menonton untok ikut bersama dengan anak2 di-studio membuat aktibiti yang mereka lakukan. Dan ada-lah menjadi keseronokan jika kanak2 yang menonton di-rumah dan di-sekolah, dapat mengambil bahagian yang aktif dalam semua aktibiti yang di-tunjokkan.

## SUSUNAN RANCHANGAN TVP DARI 21HB-26HB JANUARI

### ISNIN, 21HB JAN.

PAGI

9.20 'SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI' —
'Hidupan di-Brunei 1'
Ranchangan ini di-mulakan dengan membawa murid2 menyaksikan pemandangan2 Negeri Brunei dari Udara dan menunjokkan kekayaan alam sa-mula jadi. Sa-telah itu murid2 di-bawa mengenali salah satu kekayaan alam sa-mula jadi ia-itu Hidupan di-ayer.

10.20 KAP KAP UDANG 1
Ranchangan ini di-muatkan dengan ruangan MARI BERLAKUN, KERJA TANGAN, SI-MANIS, BOLA TUMBOK, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Di-ruangan 'MARI BERLAKUN' Che'gu Sa'diah dan kanak2 di-studio berlakun menjadi matahari terbit dan matahari terbenam. Mereka juga melakunkan kuntum bunga yang belum kembang. Bila kuntum bunga terkena pancharan chahaya matahari, ia perlahan-lahan akan kembang.
Di-ruangan kerja tangan pula, Che'gu Sa'diah akan menunjokkan chara membuat matahari daripada kertas.
SI-MANIS ia-lah kawan kanak2 yang berkelakuan baik. Ia datang ka-kelas sa-minggu sekali. Tiap2 kali ia datang, ia membawa pesanan atau nasehat untok kanak2. Di-ranchangan kali ini ia berpesan pada kanak2 supaya jangan selalu berpanas.

Achara seterus-nya ia-lah permainan BOLA TUMBOK. Jika tidak ada bola saperti yang mereka gunakan, BOLA TUMBOK ini boleh-lah di-gantikan dengan belon yang di-tiup dan di-ikat di-hujong-nya dengan gelang getah.

Di-HALAMAN BERCHERITA, Che'gu Sa'diah akan membachakan buku cherita bertajok 'Kelawar dan Burong Hantu'; dan di-akhir ranchangan, ia akan menyebut nama kanak2 di-CHERMIN SAKTI-nya.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 1.

### SELASA, 22HB JAN.

PAGI

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Hidupan di-Ayer 1'

10.30 KAP KAP UDANG 2
NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, PAK LONG, AMINAH, SIRI PERMULAAN DAN CHERMIN SAKTI ada-lah achara2 yang kanak2 dapat saksikan di-dalam ranchangan kali ini.

Kanak2 akan menonggang kuda ka-luar darjah dan melihat benda2 yang mereka boleh lihat di-angkasa.
LIHAT DAN PERHATI pula, menguji ingatan kanak2 pada apa yang telah mereka lihat di-angkasa tadi saperti matahari, binatang2, bulan dan pelangi.

PAK LONG ia-lah kawan kanak2. Kanak2 di-studio di-galakkan mengolahkan kaki dan tangan PAK LONG Kemudian semua akan ikut chara PAK LONG berdiri.

AMINAH ia-lah sa-orang lagi kawan kanak2. Che'gu Sa'diah akan memileh sa-orang budak perempuan untok melekatkan baju dan sa-bagainya di-gambar AMINAH.

Di-SIRI PERMULAAN Che'gu Sa'diah akan membachakan buku tentang Matahari, dan di-akhir ranchangan Che'gu Sa'diah akan menyebut nama kanak2 yang di-lihat-nya melalui CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 2.




GAMBAR rajah menunjokkan sa-bahagian daripada binatang2 ayer tawar yang terdapat di-negeri kita, Brunei.

### RABU 23HB JAN.

PAGI

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI.
'Hidup di-Ayer 1'.

10.30 KAP KAP UDANG 3
Di-ranchangan yang ketiga ini, Che'gu Sa'diah dan anak2-nya akan BERSENAM dan membuat aktibiti2 saperti TUNJOK BENDA, KATA SI-MANIS, AMIN, HALAMAN BERCHERITA DAN CHERMIN SAKTI.

Ranchangan di-mulakan dengan BERSENAM. Senikata lagu ini ada-lah saperti di-dalam permulaan buku ini. TUNJOK BENDA ia-lah aktibiti di-mana kanak2 menunjokkan benda2 yang telah mereka bawa dari rumah. Ini termasok barang mainan saperti anak patong, lukisan, sijil dan lain2. Mereka di-galakkan bercherita tentang benda2 yang telah mereka bawa itu.

KATA SI-MANIS ia-lah permainan untok menguji kechekapan dan pendengaran kanak2. Kanak2 chuma membuat apa yang di-arahkan oleh SI-MANIS. Kanak2 mesti-lah menumpukan perhatian kapada apa yang Che'gu Sa'diah uchapkan.
Di-HALAMAN BERCHERITA Che'gu Sa'diah akan membachakan buku berkenaan dengan 'Si-Panjang'; dan akhir ranchangan ia akan menyebut nama kanak2 di-dalam CHERMIN SAKTI-nya.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 3.

### KHAMIS, 24HB JAN.

PAGI

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS DAN HIDUPAN DI-BRUNEI
'Hidupan di-Ayer 1'.

10.30 KAP KAP UDANG 4
Che'gu Sa'diah memulakan ranchangan dengan memperkenalkan kanak2 yang ada bersama2-nya. Di-ranchangan kali ini mereka BERMAIN MUSIK, membuat aktibiti saperti: KAJIAN SEMULA JADI, MAIN BAKUL, MAIN BELON, LUKISAN DARI RUMAH DAN CHERMIN SAKTI.
Di-dalam ruangan BERMAIN MUSIK, kanak2 akan menggunakan alat2 musik saperti drum, tamborine dan lain2. Kanak2 membunyikan alat2 ini mengikut rentak musik yang di-mainkan.
KAJIAN SEMULA JADI bermaksud untok menggalakkan kanak2 memerhatikan kejadian alam sa-keliling. Kali ini Che'gu Sa'diah menunjokkan perchubaan yang di-buat-nya untok menunjokkan betapa mustahak nya chahaya matahari kapada tumboh2an. Ia menggunakan biji2 kachang hijau: Satu di-tanam di-luar dan satu lagi di-tanam di-tempat gelap.
BERMAIN BAKUL bermaksud untok mengajar kanak2 posture yang baik. Kanak2 menyimpan bakul di-atas kepala dan berjalan; bakul boleh juga di-gantikan dengan buku.
Kemudian mereka akan BERMAIN BELON. Senikata lagu-nya ada-lah di-terangkan di-awal buku ini.
LUKISAN DARI RUMAH, Che'gu Sa'diah akan menunjokkan lukisan2 yang kanak2 telah kirimkan padanya. Aktibiti di-ikuti dengan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 4.

### SABTU, 26HB JAN.

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 5
Ranchangan kali ini di-muatkan dengan achara2 saperti IKUT KETUA, YANG MANA SATU GANJIL, AMINAH, MAIN KERUSI, HALAMAN BERCHERITA DAN CHERMIN SAKTI.
Sa-lepsa Che'gu Sa'diah memperkenalkan kanak2 yang ada pada hari itu, mereka akan bermain IKUT KETUA. Dengan berganti2 sa-orang kanak2 di-suroh menjadi ketua dan membuat apa saja yang ia suka. Yang lain akan ikut di-belakang.
YANG MANA SATU GANJIL bermaksud untok menguji kechekapan kanak2 dalam memerhatikan gambar yang mana ganjil atau tidak sama.
BERMAIN KERUSI menguji kechekapan kanak2. Bila musik berhenti, kanak2 dengan chepat mesti-lah dudok di-kerusi yang berdekatan dengan-nya.
Sa-belum mengakhiri ranchangan ini, Che'gu Sa'diah akan bercherita. Nama cherita-nya ia-lah 'Siput Dengan Kanchil'. Saperti biasa ranchangan Kap Kap Udang di-tutop dengan CHERMIN SAKTI.

# SEKOLAH PERSEDIAAN INGGERIS DATO GANDI JOHAN LALU-LINTAS SHELL

KUALA BELAIT. — Sekolah Persediaan Inggeris Dato Gandi dari Daerah Brunei/Muara telah menyandang sa-bagai johan permainan lalu-lintas anjoran Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, kali kedua dan telah di-langsongkan di-Jalan Sungai di-sini baru2 ini. Pertandingan itu telah di-rasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin YAM Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, dan juga menyampaikan piala dan sijil2 di-akhir pertandingan.

Sementara tempat kedua dalam pertandingan itu ia-lah jatoh kapada Sekolah Persediaan Inggeris Haji Tarif, dari Daerah Brunei/Muara dan tempat ketiga di-sandang oleh Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah Seria, Daerah Belait.

Sa-banyak 10 buah sekolah dari seluroh negeri telah mengambil bahagian dalam pertandingan itu, ia-itu: Sekolah Persediaan Inggeris Seria; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Seria; Sekolah Persediaan Inggeris Kiudang, Tutong; Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjong Maya, Tutong; Sekolah Persediaan Inggeris Dato Gandi, Daerah Brunei/Muara; Sekolah Melayu SUAS, Muara; Sekolah Persediaan Inggeris Lumapas, Daerah Brunei/Muara; Sekolah Melayu Bokok, Temburong dan Sekolah Melayu Batu Apoi, Temburong.

Pertandingan ini merupakan kali kedua yang telah di-kelolakan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, bagi Sekolah2 Rendah Perengkat Sa-Negeri.

Permainan lalu-lintas ada-lah di-hasratkan supaya orang ramai mematohi peratoran lalu-lintas jalanraya di-negeri ini serta menyedari akibat2 burok yang akan menimpa ka-atas harta benda, serta nyawa pengguna2-nya — Jalanraya bukan-lah gelanggang perlumbaan.

Justeru itu, ada-lah dinasehatkan kapada pengguna2 jalanraya supaya selalu berhati2 ketika menggunakan jalanraya demi mengelakkan kemalangan yang tidak di-ingini itu.

"Peraduan permainan lalu-lintas itu juga bertujuan sa-bagai satu latehan awal kapada kanak2 sekolah tentang chara menggunakan jalanraya dengan selamat di-samping ia-nya juga bertujuan sa-bagai peringatan dan memahami kapada pengguna2 jalanraya supaya menjadikan jalanraya itu tempat selamat." Demikian antara lain sabda Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz ketika merasmikan pertandingan itu.

BELIA DAN SOKAN




GAMBAR atas ia-lah sa-buah lukisan yang melambangkan Piala Pusingan Permainan Lalu-lintas Shell Perengkat Sa-Negeri, yang telah di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Dato Gandi tahun 1980 ini. Sementara gambar kiri, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz di-perkenalkan kapada pasokan2 yang mengambil bahagian dalam pertandingan lalu-lintas Shell pada hari itu. Gambar berikut-nya (kiri bawah dan bawah) ia-lah pemandangan pertandingan lalu-lintas Shell sedang di-jalankan di-Jalan Sungai, Kuala Belait, yang baru lalu.

Permainan tersebut telah di-mulakan pada awal tahun 1979 yang lalu dalam perengkat daerah untok memileh sa-puloh buah sekolah (pasokan) yang memasoki pertandingan akhir.







## JOHAN CHATOR KASTAM DIRAJA KUALA BELAIT

KUALA BELAIT. — Awg Mohd Salleh bin Mokhtar telah munchol sa-bagai Johan Pertandingan Chator Kastam Diraja, Kuala Belait, yang telah di-langsongkan di-sini baru2 ini. Sementara Naib Johan ia-lah Awang Abdul Rahman dan tempat ketiga di-sandang oleh Awang Judin bin Momin.

Sa-banyak sembilan peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan chator itu.

Hadiah2 akan di-berikan kapada johan, naib johan dan pemenang ketiga pertandingan tersebut dalam satu majlis yang akan di-adakan kemudian. Johan dalam pertandingan ini juga akan menerima Piala Rebutan yang telah di-hadiahkan oleh Penguasa Kastam Diraja Kuala Belait, Awg Ng Chen Kee. — Kiriman Awang Mohd Sulor bin Tuba.

# Brunei bertemu Perak di-pertandingan Piala Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Bolasepak Kebangsaan Brunei telah bertemu dengan Pasokan Perak, yang telah di-langsongkan di-Ipoh, Perak pada hari Sabtu 12hb Januari, 1980 yang baru lalu. Sa-malam 15hb Januari, 1980, Pasokan Brunei berjumpa pula dengan Pasokan Kedah dan perlawanan di-langsongkan di-Alor Star, Kedah.

Pada 24hb Januari, 1980 (Sabtu), Brunei akan bertemu dengan Melaka dan seterus-nya pada 27hb Januari, 1980 (Selasa) Pasokan Brunei akan bertemu dengan Johor.

Brunei akan bertemu dengan Selangor pada 2hb Februari, 1980 (Sabtu) sementara Brunei akan bertemu dengan Pulau Pinang pada 5hb Februari, 1980 (Selasa). Ini merupakan jadual perlawanan Brunei berjumpa Perak, Kedah, Melaka, Johor, Selangor dan Pulau Pinang bagi bulan Januari dan Februari, 1980, sementara jadual perlawanan bagi Mach dan berikut-nya sa-jauh ini belum di-terima.

Sa-ramai 18 pemain bolasepak Kebangsaan Brunei akan menyertai pertandingan Piala Malaysia tahun ini. Mereka berlepas meninggalkan Brunei hari Khamis lepas, di-ketuai oleh Awang Haji Mohd Hussain bin Zainal sa-bagai pengurus pasokan dan di-bantu oleh tiga pegawai. Mereka di-jangka balek ka-tanah ayer pada hari ini.

Tahun 1979 yang lalu, Piala Malaysia telah di-menangi oleh Pasokan Selangor.



# Keputusan Peraduan Melukis Poster Sekolah2 Sa-negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hampir sa-ratus buah poster hasil dari murid2 dan penuntut2 sekolah rendah, persediaan Inggeris dan menengah seluroh negeri telah di-pamerkan dalam peraduan poster sempena menyambut kedatangan Tahun Hijrah 1400.

Pameran yang di-adakan di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Puskata itu telah di-rasmikan oleh Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu, selaku wakil peribadi Pemangku Pegawai Daerah, Awang Haji Yahya bin Haji Harris pada 12hb Januari yang baru lalu disini.

Pameran tersebut yang dianjorkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran itu telah di-bahagikan kapada dua kumpolan ia-itu bahagian poster kain dan poster kertas.

Dalam bahagian melukis poster kertas bagi sekolah2 persediaan Inggeris sa-negeri: Tempat pertama, kedua dan ketiga telah dimenangi oleh murid2 dari Sekolah Persediaan Inggeris Temburong. Mereka ia-lah Awang Sabtu bin Sitai, Awang Roslan bin Haji Abu Salam dan Awang Dollah bin Sitai.

Sementara dalam bahagian sekolah2 Rendah Melayu, johan dan tempat ketiga telah di-menangi oleh sekolah rendah Daerah Brunei dan Muara. Mereka ia-lah Awg Md Jaidi bin Ghani dan Awg Fuad bin Abu Bakar sementara naib john telah di-sandang oleh Awg Abdul Rahman bin Muslim dari kolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut.

Dalam bahagian Menengah Bawah pula, johan telah di-menangi oleh Tan Kuan Moi dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong, tempat kedua dan ketiga jatoh kapada Awang Abdul Rahim bin Haji Ongsang dari Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut.

Manakala dalam bahagian Sekolah Menengah Atas Tempat pertama telah dimenangi oleh Awang Norzairi bin Yahya dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait, kedua dimenangi oleh Swee Teck Kuang dari Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong dan tempat ketiga telah di-menangi oleh Awang Abu Bakar bin Jaafar dari Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Keputusan dalam peraduan melukis poster kain bahagian sekolah2 menengah atas sa-negeri Brunei. Tempat pertama jatoh kapada Sekolah Pertukangan Bangunan Sultan Saiful Rizal, kedua di-menangi oleh Sekolah Inggeris Berakas dan tempat ketiga telah di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu Bendahara Sakam, Bunut, kesemua-nya dari Daerah Brunei dan Muara.

Sementara keputusan dalam bahagian sekolah2 rendah Melayu. Tempat pertama telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Mentiri, kedua jatoh kapada Sekolah Melayu Delima Satu dan ketiga di-menangi oleh Sekolah Melayu Pusar Ulak, kesemua-nya dari Daerah Brunei dan Muara.







GAMBAR2 atas dan bawah menunjokkan sa-bahagian dari poster2 yang terpileh yang seda'ng di-pamerkan di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan.

# Harga roti paun naik

ADA-LAH di-ma'alomkan kapada orang ramai khas-nya pembeli2 di-negeri ini oleh kerana harga pasaran tepong gandum telah naik di-sebabkan faktor2 yang tertentu, pembuat2 roti paun telah memohon kapada Kerajaan untok menaikan harga2 runchit bagi roti paun di-negeri ini.

Sa-telah mempertimbangkan permohonan2 mereka itu, Pengawal Harga HANYA dapat mempersetujui supaya harga2 runchit bagi roti paun di-jual saperti berikut mulai 17hb Januari, 1980.

**BANDAR SERI BEGAWAN/MUARA/TUTONG**

| Jenis Roti Paun | Berat | Harga Runchit (Lama) | Baru) |
|---|---|---|---|
| Puteh Besar | 1 lb. 8 ozs. | 85 sen | $1.00 |
| Puteh Kechil | 1 lb. 2 ozs. | 70 ,, | $0.85 |
| Brown Besar | 1 lb. 8 ozs. | 85 ,, | $1.05 |
| Brown Kechil | 1 lb. 2 ozs. | 70 ,, | $0.90 |
| Rolls | 1.333 ozs. | 07 ,, | $0.09 |
| Inti Kachang Hitam | 3 ozs. | 20 ,, | $0.25 |
| Inti Kachang Tanah | 3 ozs. | 20 ,, | $0.25 |
| Inti Mentega | 3 ozs. | 20 ,, | $0.25 |

**KUALA BELAIT/SERIA**

| Jenis Roti Paun | Berat | Harga Runchit (Lama) | Baru) |
|---|---|---|---|
| Puteh (Besar) | 1 lb. 8 ozs. | 80 sen | 95 sen |
| Puteh (Kechil) | 1 lb. 2 ozs. | 65 ,, | 80 ,, |
| Puteh (Kechil) | 1 lb. — | 55 ,, | 70 ,, |
| Brown (Kechil) | 1 lb. — | 60 ,, | 80 ,, |
| Kuning (Besar) | 1 lb. 8 ozs. | 95 ,, | $1.10 |
| French (Besar) | 1 lb. 8 ozs. | 80 ,, | 95 ,, |
| French (Kechil) | 1 lb. — | 55 ,, | 70 ,, |
| Rolls | 1.333 ozs. | 07 ,, | 09 ,, |

# J-kuasa baru Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom

LONDON. — Sa-buah jawatankuasa baru untok mentadbir Persatuan penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah di-lantek baru2 ini dalam satu mashuarat yang telah di-adakan di-Rumah Brunei di-sini pada 15hb Disember yang lalu.

Jawatankuasa yang mengandongi 19 orang itu akan mentadbir persatuan tersebut bagi tempoh 1979/80.

Ak Salleh bin Pg Othman telah di-pileh sa-bagai Presiden, Awang Abdullah bin Abd Rahman selaku Timbalan Presiden, sementara Timbalan Presiden Wanita ia-lah Dayang Hasnah bte Azri.

Setia Usaha Agong, Awg Harun bin Haji Abdul Majid dan Awang Shofry bin Abd Ghafor sa-bagai Timbalan-nya.

Setia Usaha Kewangan, Ak Ali bin Pg Matarsad dan Dayang Soraya binte Hamid sa-bagai Penolongnya.

Lain2 ahli jawatankuasa yang di-lantek ada-lah saperti berikut:—

Setia Usaha kebajikan — Awang Salleh Boestamam bin Zainal Abidin; Penolong Setia Usaha Kebajikan — Awang Mohiddin bin Salleh; Setia Usaha Penerangan — Awg Haji Abd Razak bin Hj Mohd Hussaini; Penolong Setia Usaha Penerangan — Awg Azasahibul bin Zainal Abidin; Setia Usaha Sosial — Awg Latif bin Haji Ahmad; Penolong Setia Usaha Sosial — Dy Hajjah Latifah bte Hj Tudin; Setia Usaha Sokan — Awg Taha bin Matahir; Penolong Setia Usaha Sokan — Awg Tassim bin Metali; Setia Usaha Hal Ehwal Ugama — Awg Malek bin Hj Metarsad; Penolong Setia Usaha Hal Ehwal Ugama — Awang Md Jaafar bin Johari; Setia Usaha Hal Ehwal Perniagaan — Md Zain bin Mohamad; Penolong Setia Usaha Hal Ehwal Perniagaan — T.P.A. Farouk bin T. Pengiran.

# Pegawai2 berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN — Dua orang pegawai dari Yunit Peranchang Ekonomi kini berada di-Singapura untok menghadhiri kursus sa-lama saminggu mengenai bidang Komputer di-republik tersebut.

Mereka ia-lah Ak Naseruddin bin Pengiran Tejuddin dan Ak Roslee bin Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya. Kursus tersebut di-anjorkan oleh International Komputer Limited, Singapura.

Sementara itu tiga orang pegawai kanan pulis juga kini berada di-Manila untok menghadhiri satu kursus chawangan Dadah Narkotik Bangsa2 Bersatu.

Mereka ia-lah DSP Pengiran Hamzad bin Pengiran Haji Ismail, ASP Tajuddin bin Mohammad Yusof dan ASP Sim Boon Kiat.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 10hb Januari, 1980.

**BANDAR SERI BEGAWAN:**

1. PUSU KERING — $4.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Kim Seng Choon, No. 91, Jalan Chevalier.
   b) Leong Huat, No. 57, Jalan Sultan.
   c) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.
2. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: — Hen Loong, No. 31, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT:**

1. PUSU KERING — $4.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:— Kok Kee, No. 60-B, Jalan Pretty.
2. SAYOR KINCHAM — $2.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: — S. S. Sa'adiah, No. 92, Bangunan Hotel Sentosa.

**SERIA:**

1. PUSU KERING — $4.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Yick Hoe, No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
   c) A. Muhammed, No. 66, Jalan Bunga Kenanga.
2. SAYOR KINCHAM — $2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Poh Sing, No. 65, Jalan Bunga Kuning.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 16hb hingga 22hb Jan. 1980

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 16.1.1980 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 16.1.1980 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 16.1.1980 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 19.1.1980 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 19.1.1980 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 19.1.1980 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 21.1.1980 | Isnin | 2.00– 3.00 ,, |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 21.1.1980 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 22.1.1980 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 22.1.1980 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN TALIKOM, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Talikom, Brunei.

1. PEGAWAI TEKNIK KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mesti-lah mempunyai sama ada : —

a) Minima tiga tahun sa-bagai Pegawai Teknik atau yang sebanding mengenai sebarang tugas2 berikut:—
   - i) Peranchangan ibusawat, pemasangan atau pemeliharaan, peranchangan pemancharan Radio, pemasangan atau pemeliharaan.
   - ii) Peranchangan Kebal.
   - iii) Pemeliharaan Taliperinter.

DI-TAMBAH

City and Guilds hingga kataraf Intermediate dalam satu mata-pelajaran yang berkenaan.

b) Minima tujoh tahun sa-bagai Pegawai Teknik atau yang sebanding sebarang mata-pelajaran yang terchatet dalam (a) dengan pengalaman dalam keupayaan menyelia.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 2-3 EB. 4 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275 - 1326 - 1377 - 1428 - 1479-1530-1581-1632-1683/EB/ 1734-1785-1836-1887-1938.

2. PEGAWAI TERAPIK TALIKOM :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Hendak-lah mempunyai salah satu : —

a) Lulus pepereksaan Brunei Cambridge G.C.E. perengkat 'O' atau yang sebanding dengan mendapat kepujian dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab DI-TAMBAH dua tahun pengalaman mengenai tugas2 Terapik Talikom.

ATAU

b) Mempunyai pengalaman lima tahun mengenai tugas2 Terapik Talikom sa-bagai Penolong Pegawai Terapik atau yang sebanding.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji C. 1-2 EB. 3 — $944-982-1033-1071-1109 - 1148 - 1186 - 1224 - 1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683.

3. PENOLONG PEGAWAI TERAPIK TALIKOM :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Hendak-lah mempunyai salah satu : —

a) Lulus pepereksaan Brunei Cambridge G.C.E. perengkat 'O' atau yang sebanding dengan memperolehi kepujian dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab.

ATAU

b) Sijil Rendah Pelajaran Brunei dengan kepujian dalam mata-pelajaran Ilmu Hisab dan tiga tahun dalam Perkhidmatan Kerajaan.

ATAU

c) Mempunyai minima lima tahun perkhidmatan dalam Perkhidmatan Kerajaan dengan sekurang2-nya dua tahun mengendali tugas2 Terapik Talikom.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434 - 446-456-485-504-523-542-561-625-657-689-720-752-784 / EB / 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

4. TUKANG PELAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan III atau sebanding dengan-nya.

b) Mesti-lah mempunyai pengalaman melukis pelan2 dan telah lulus Ilmu Hisab bahagian rendah.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4-5—$370-383-395-408-421-434-446-465-485-504-523 - 542 - 561-625-657-689-720-752 - 784/ EB/ 854 - 880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122.

5. TUKANG KAYU :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Hanya orang2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman2 yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon:—

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya serta mempunyai pengalaman sekurang2-nya satu tahun dalam kerja2 Pertukangan Kayu.

b) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang sedang berkhidmat di-Jabatan Talikom.

**Gaji ·**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

6. TUKANG LUKIS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai pengalaman sa-bagai Tukang Lukis Pelan sekurang2-nya satu tahun.

c) Umor di-antara 18 hingga 25 tahun.

d) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang sedang berkhidmat di-Jabatan Talikom.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

7. PELATEH TEKNIK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah lulus Brunei Cambridge G.C.E. Perengkat 'O' atau yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian2 dalam mata2-pelajaran Inggeris, Ilmu Hisab sama ada Physical atau Sain 'Am. Chalon2 yang berjaya akan di-berikan latehan dalam kejuruteraan Talikom di-Brunei dan mana mereka di-berikan latehan akademi bagi Sijil2 City dan Guilds. Apabila mereka berjaya menamatkan latehan, chalon2 akan di-tingkatkan semula sa-bagai Pegawai Teknik dalam sukatan gaji D. 3-4 EB. 5-6. Chalon2 yang tidak berjaya menamatkan latehan dengan Sijil2 City and Guilds yang perlu akan di-benarkan untok meneruskan perkhidmatan sa-bagai Teknik dalam sukatan gaji D. 2-3 EB. 4-5.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 18hb Februari, 1980.

(E/1023/76 — Bil: 189/1979)

## Sa-bagai Pengajar Teknikal Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pengajar Teknikal Kanan (mata-pelajaran Pertukangan Perabot) di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai Diploma Furniture Craft atau Cabinet Making atau kelulusan yang sebanding.

Sijil Perguruan.

Mempunyai 10 tahun pengalaman di-bidang indastri atau mengajar.

**Umor :**

Antara 30 hingga 55 tahun.

**Tugas2 :**

Mengajar chara2 membuat perabot di-Sekolah Teknikal kapada penuntut2 Tingkatan III. Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki menjalankan tugas2 luar bilek darjah sesuai dengan sa-sebuah sekolah berasrama.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji B. 2 — B$1645-1709-1772-1836 - 1900 - 1964-2027 - 2104 - 2180 - 2257 - 2333-2410 - 2486 - 2563 - 2639 - 2716. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb Februari, 1980.

(E/740/78 — Bil: 190/1979)

## Sa-bagai Penggapai di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penggapai di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 45 tahun;

b) Mesti-lah mengetahui Hal Ehwal Ugama Islam dan Rukun2 Islam, terutama dengan menchuchi mayat;

c) Chalon2 akan menjalani satu pepereksaan sa-chara lisan (sa-chara mulut) di-adakan sa-masa temu-duga.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 28hb Februari, 1980.

(E/881/71 — Bil : 193/1979)

## Sa-bagai Juru X-Ray Pelateh

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Juru X-Ray Pelateh/Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah telah menchapai umor 18 tahun. Mereka mesti-lah lulus sekurang2-nya 4 mata-pelajaran perengkat 'O' termasok bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan dua mata-pelajaran Sains; kelulusan di-perengkat 'A' dalam mata-pelajaran Fiziks atau Ilmu Hisab ada-lah perlu.

Latehan permulaan akan di-selanggarakan di-Hospital Umom, Bandar Seri Begawan dan sa-lepas tempoh yang sesuai chalon2 yang berjaya akan di-hantar ka-School of Radiography, United Kingdom untok mengambil Pepereksaan Diploma.

Juru X-Ray Pelateh yang gagal dalam pepereksaan mereka mungkin akan di-ambil bekerja sa-bagai Juruteknik X-Ray. Tiap2 chalon sedemikian akan di-nilaikan sa-chara persendirian sa-lepas satu tempoh perkhidmatan di-Jabatan X-Ray, Bandar Seri Begawan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 4 — $650-682-714-746-778-810.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 1hb Mach, 1980.

(E/1174/78 — Bil : 191/1979)

## PROPOSED SHOPPING COMPLEX AT KAMPONG LAMBAK, JALAN BERAKAS, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei, from Registered Class "A" Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 22nd January, 1980 for the

PROPOSED SHOPPING COMPLEX AT KAMPONG LAMBAK, JALAN BERAKAS, BRUNEI.

2. Tenders received after 12.00 noon Tuesday, 22nd January 1980 will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name and address of the Tenderer and shall be marked clearly

"TENDER FOR THE PROPOSED SHOPPING COMPLEX AT KAMPONG LAMBAK, JALAN BERAKAS, BRUNEI."

4. Drawings and Bill of Quantities may be obtained from and examined at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei during normal office hours on payment of a deposit of $1,000.00 which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon receipt of a bona fide tender and return of all tender documents in good condition.

5. Tender shall be submitted only on the Forms of Tender provided.

6. The Government of Brunei does not bind itself to acept the lowest of any tender.

## PEMBETULAN

**Dalam akhbar Pelita Brunei keluaran 2hb Januari, 1980 di-muka 17 mengenai dengan jawatan2 kosong di-Setor dan Perbelakan, Brunei kelayakan2 dan pengaman bagi jawatan Penyelenggara Setor Tingkatan Khas ada-lah di-pinda dengan memotong perkataan "berumor tidak lebeh dari 45 tahun dan".**

## GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT

### TENDER NOTICE

**THE SUPPLY OF ENVELOPES TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1980**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon Thursday, 14th February, 1980 for : —

THE SUPPLY OF ENVELOPES TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1980.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. All tenders must be accompanied by samples and prices must include delivery to the Government Printing Department's store at Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei.

4. Tenders must be placed in a plain sealed envelope and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

5. Tenders must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and clearly marked : —

THE SUPPLY OF ENVELOPES TO THE GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT FOR THE YEAR 1980.

6. Tender forms and specifications can be obtained from the office of the Government Printing Department, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei during normal working hours or on request in writing.

7. The tender deposit of $1000.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of bonafide tender.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sa-bagai Tukang Jahit

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Tukang Jahit di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Umor 25-45 tahun.

b) Mesti-lah lulus sekurang2-nya darjah VI Melayu atau pun yang sebanding dengan-nya.

c) Mempunyai pengalaman dalam kerja2 menjahit ada-lah satu keutamaan.

Ujian akan di-adakan kapada chalon2 sa-belum di-temu duga.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB. 3 — $357-370-383-395-408-421-434-446/ EB /459-472-485-497-510-523.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Februari, 1980.

(E/325/78 — Bil : 192/1979)

## ADULT EDUCATION CLASSES IN CITY AND GUILDS COURSE 255, MECHANICAL ENGINEERING TECHNICIANS PART I

A TWO-YEAR course leading to the City and Guilds Examination in subject 255 Mechanical Engineering Technicians Part I will be held three evenings per week at the Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait commencing in January 1980.

Applicants must have : —

a) Completed Form Five the subjects including Mathematics, a suitable science subject and technical drawing or a metalwork subject; or

b) satisfactorily completed the first year of a General Course in Engineering; or

c) passed Part I Certificate in a mechanical engineering craft subject where appropriate.

Application forms are obtainable from the Education Department Head Office, or the Principal, Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait.

Applications must reach the Principal, Jefri Bolkiah School of Engineering, Kuala Belait not later than 21st January, 1980.

# KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TENDER NOTICE

### REMEDIAL WORKS TO BERAKAS CAMP SWIMMING POOL

REGISTERED Class 'AX' and above Contractors are invited to submit tender for the Remedial Works to Berakas Camp Olympic Size Swimming Pool, Berakas Camp, Brunei.

Tender documents and all particulars can be obtained from the office of Messrs Sepakat Setia Perunding, 147, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei from 10th January, 1980 to 19th January 1980 during normal office hours. The Tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tenders must be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei, not later than 12.00 noon, on Tuesday, 19th February, 1980. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked at the top left hand corner with the words, Tender: Remedial Works to Berakas Camp Swimming Pool.

SITE SHOWROUND: — Meet at Entrance to Berakas Camp( Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan at 9.00 a.m. on Monday, 21st January, 1980. Those who do not attend the site showround at the stipulated time and date will be disqualified from tendering.

Our client, the Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

### MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi: —

1) **KATEGORI 35B — TAWARAN No. SES/166-79**
Mengadakan pasokan2 yang mahir untok membena/pasang-memasang/menyenggara peralatan di-darat/di-luar pantai.

2) **KATEGORI 4 DAN 32 — TAWARAN No. ECO/176-79**
Membena Pejabat pagi pengawas yard di-Pengkalan Kendalian, Kuala Belait.

3) **KATEGORI 15 — TAWARAN No. SSU/179-79**
Peruntokan bagi Truck2 Forklift berkerja di-tanah kasat.

4) **KATEGORI 3 — TAWARAN No. PCS/002-80**
Menchat semula dan membaiki sa-chara menyeluroh tempat Kediaman Buroh No. 586 dan 587 di-Kuala Belait.

5) **KATEGORI 3 — TAWARAN No. PCS/003-80**
Membaiki sa-chara umom dan menchat semula bekas Panggong Roxana.

6) **KATEGORI 15 DAN 21 — TAWARAN No. OPD/006-80**
— Mengendalikan tabong2 propane di-kilang mengisikan propane ka-dalam tabong.
— Membuat kerja pembersehan sa-chara umom dan pelbagai kerja sa-bagaimana yang di-hendaki di-kawasan Seria Terminal dan Kilang Mengolah Minyak.

7) **KATEGORI 2 — TAWARAN No. LEN/004-80**
Memasang tebatan busa "polyurethane" untok projek memadamkan api di-ketiga kawasan tempat menyimpan LNG.

Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

### INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for:

1) **CAT 35B — TENDER No. SES/166-79**
The provision of skilled on/offshore instrumentation construction/installation/maintenance teams.

2) **CAT. 4 AND 32 — TENDER No. ECO/176-79**
Construction of Yard Supervisor Office at KB Operation Base, Kuala Belait.

3) **CAT 15 — TENDER No. SSU/179-79**
Provision of Rough Terrain Forklift Trucks.

4) **CAT 3 — TENDER No. PCS/002-80**
Major renovation of KB Labour Lines Block 586 and 587.

5) **CAT 3 — TENDER No. PCS/003-80**
General repair and painting of ex-Roxana Building.

6) **CAT 15 AND 21 — TENDER No. OPD/006-80**
— To handle propane cylinders in general in the propane bottling plant.
— To carry out general cleaning work and odd jobs as required in the Seria Terminal Complex and Process Plant area.

7) **CAT 2 — TENDER No. LEN/004-80**
Installation of polyurethane foam insulation in the three LNG storage area for fire fighting project.

For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 196 OF 1979

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 22nd January, 1980 for: —

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO THE PROPOSED ACCESS ROADS AND CAR PARKS AT JERUDONG, PARK, JERUDONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 1 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th January, 1980 for: —

REMEDIAL WORKS TO SUNKEN CONCRETE SLABS AND REPAINTING TO TREATMENT PLANTS AND WORKS BUILDINGS SEWAGE DISPOSAL WORKS STATION, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 2 OF 1980

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th January, 1980 for: —

RAISING EXISTING SEWER MANHOLE R.B.M.R. CAMP AND TUTONG TOWN SEWERAGE SCHEME.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 3 OF 1980

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th January, 1980 for: —

RAISING EXISTING SEWER MANHOLE BANDAR SERI BEGAWAN SEWERAGE SCHEME.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 4 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th January, 1980 for: —

THE CONSTRUCTION OF R.C. DRAINS AT EXISTING ACCESS ROAD OFF MAKAM DIRAJA ROAD, MILE 1 JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 5 OF 1980

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th January, 1980 for: —

EXTENSION OF STEEL PLATES TO EXISTING SEWAGE TREATMENTS AT SIXTH FORM CENTRE, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

**NOTE:**

**A site inspection will be held at 9000 hrs on Monday 28th January, 1980 at the site.**

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 6 OF 1980

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th January, 1980 for: —

PROPOSED LABORATORY BUILDING AT PUSAT LATEHAN TEKNIKAL, JALAN MUARA BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER NOTICE

### REPAIR/SUPPLY AND INSTALLATION OF WATER TREATMENT PLANTS FOR BERAKAS CAMP SWIMMING POOL

REGISTERED Class 'AX' and above and Specialist Firms are invited to submit tender for the Repair/Supply and Installation of Water Treatment Plants for Berakas Camp Swimming Pool, Berakas Camp, Brunei.

Tender documents and all particulars can be obtained from the office of Messrs Sepakat Setia Perunding, 147, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei from 10th January 1980 to 19th January 1980, during normal office hours. The Tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tenders must be received by the Chairman of the Tender Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei, not later than 12.00 noon, on Tuesday, 19th February 1980. Tender received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked at the top left hand corner with the words, Tender: Repair/Supply and Installation of Water Treatment Plants for Berakas Camp Swimming Pool.

SITE SHOWROUND: — Meet at Entrance of Berakas Camp, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan at 9.00 a.m. on Monday, 21st January 1980. Those who do not attend the site showround at the stipulated time and date wil be disqualified from tendering.

Our clients, The Government of Brunei, does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Kenyataan Pegawai Penguasa Warith

### SURAT KUASA PESAKA No. 1/1980

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdul Wahid bin Haji Tengah, d/a Jabatan Bandaran, Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Abdul Latip bin Abdul Wahid yang telah meninggal dunia di-Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah ayah kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan2 di-beri bahawa permohonan2 di-atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 17 haribulan Januari, 1980, pada jam 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan Januari, 1980.

Charlie Foo
Pegawai Penguasa Warith,
Brunei.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from Registered Class AX, and B Contractors by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan. Brunei up until noon on Tuesday 22nd January, 1980 for:
METAL WORK AND WELDING SHOP BOYS COMPANY — BOLKIAH CAMP.
2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders will be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the cover of the name of the Tenderer.
4. The cover must be addressed to The Chairman of the Tenders Board and endorsed as follows:
METAL WORK AND WELDING SHOP BOYS COMPANY — BOLKIAH CAMP.
5. Tenders Documents may be obtained from the offices of Akitek Bersatu, 2nd Floor, 148 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, from Wednesday 9th January, 1980, during normal working hours.
6. The tender deposit will be $500.00 in the form of a bank draft, made out in favour of the Brunei Government, and will be refunded to all unsuccessful tenderers, on receipt of a bona fide tender.
7. Tenders shall be submitted on the form provided with the tender documents.
8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## SUCCESSFUL TENDERS

1 Construction and completion of 2 bridges across Sg Tanam and Sg Tanit at Temburong — Hj Yaakub Hj Tengah — $467,117.43.
2 Sandfilling to proposed site for 66kv sub-station at Lorong 21, Jalan Tengah, Panaga — Sh Noor Laila Jaya — $138,250.
3 Electrical installation at Operation Block, Brunei International Airport — Kon Kim Elec Co — $127,923.
4 Supply, installation and commissioning of diesel injector pump tester for Force Workshop, Bolkiah Camp — cancelled.
5 Brunei Water Resources site investigations and feasibility study — Contract No. SFA 3 — exploratory boreholes wells —Koken Boring Machine Co — $1,355,232.
6 Construction of pipe storage sewerage disposal works, Jalan Kota Batu — Ho & Far Const Co — $146,572.
7 Supply of Language Lab, woodwork machines and metal work machine for PW English School, KB —
Electronic Equipment—Leycare Auto Parts—$8,411.50.
Woodwork Machine—Chong Radio Service— $57,750.
Wood Turning Lathe—Low San Hardwares— $22,000.
Band Saw Complete with Splicer — Scott & English Sarawak — $6,070.
8 Pipelaying from Sixth Form Centre to Jalan Gadong — United Contractors Co — $38,440.50.
9 Supply of plywood (No 46/79) —
Union Trading — ¼" x 4' x 8' — $20.00 per length
¾" x 4' x 8' — $61.00 per length
Tsen's Furniture — ½" x 4' x 8' — $33.50 per length
⅝" x 4' x 8' — $47.60 per length
10 Supply of dust bins (No. 47/79) — South Island Trading Co — $16.70 each.
11 Proposed renovation work in the Conference Room of Police HQ — Ulfert Design — $49,446 — 60 days.
12 Proposed Regimental HQ Complex, Berakas Camp — Lian Heng Ltd — $10,488,000.
13 Modification and installation of cold water supply system, Police Training Centre — Auto Elec Co — $70,800.

1 Telisai fencing — Friend Company — $11,440.
2 Electrical installation at F1-F5, Old Airport Road — Paramount (B) Pte Ltd — $96,950.
3 Electrical installation at F6-F14 flats, Old Airport Road — Paramount (B) Pte Ltd — $176,670.
4 Medical steriliser and equipment at New General Hospital, Kiulap — Hale Eng Ltd — $1,083,650.
5 Electrical installation at F15-F20 flats, Old Airport Road — Kwek Eng Co — $117,342.
6 Electrical installation at Fisheries Field Station, Muara — Lee Jong Elec Co — $11,284.
7 Electrical installation at extension to Main Transit Warehouse, Muara Port — Southern Elec Co — $13,891.

## ELECTRICAL DEPARTMENT TENDER NOTICES

### SERIAL No. 67(CL)/1979

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Cable Laying Contractor Class 'A' up to 12.00 noon on Tuesday 22nd January, 1980.

PROPOSED HIGH TENSION CABLE LAYING WITH CABLE DUCTS FROM LAPAU SUBSTATION TO CUSTOM (WHARF) SUBSTATION ALONG JALAN KIANGGEH

Tender documents and all particulars may be seen at the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tender deposit of $300.00 shall be in the form of a cheque, refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sepak takraw

SUNGAI BESAR — Persatuan Belia Kampong Sungai Besar di-Daerah Brunei-Muara pada hari Jumaat, 20hb Januari ini akan mengadakan pertandingan sepak takraw terbuka hanya kapada pasokan2 di-sapanjang Jalan Kota Batu.

Pertandingan itu akan di-langsongkan di-Kampong Sungai Besar dan semua pasokan2 yang telah mendaftar ada-lah di-kehendaki hadhir ka-tempat berkenaan pada hari tersebut jam 7.30 pagi.

Pasokan2 yang berhajat menyertai-nya boleh-lah berhubong dengan Awang Abdul Rahman bin Abdullah di-Jabatan Letrik chawangan Lapang-anterbang atau Awang Bahir bin Bungsu di-Jabatan Tanah Brunei.



PENGARAH Perpindahan Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin.

## Borang2 permohonan perpindahan akan di-edarkan

# SEKIM PERTAMA UNTOK PERPINDAHAN KAPADA KAKITANGAN KERAJAAN

BANDAR SERI BEGAWAN.—Hampir 7,000 ekar tanah di-beberapa kawasan seluroh negeri akan di-untokkan bagi menunaikan kehendak hampir 16,000 keluarga melibatkan kira2 93,984 orang raayat dan pendudok negeri Brunei di-bawah sekim perpindahan baru yang proses-nya sedang giat di-usahakan sekarang.

Ranchangan perengkat permulaan bagi perpindahan sa-chara besar2an itu akan di-mulakan bagi kakitangan Kerajaan dan borang permohonan mengenai-nya akan di-edarkan tidak berapa lama lagi oleh Jabatan Perpindahan.

Perkembangan baru ini ada-lah hasil dari kajian2 yang telah di-jalankan dalam mana borang2 untok penyelidekan itu telah di-edarkan tidak lama dahulu.

Ini telah di-sabdakan oleh Pengarah Perpindahan Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kamaluddin, kapada Pelita Brunei, minggu ini. "Kerajaan sememang-nya berhasrat untok mengusahakan ranchangan perpindahan baru ini dengan seberapa segera. Tetapi usaha ranchangan perpindahan ini hanya akan dapat di-mulakan apabila segala kerja2 penyelidekan dan teknik selesai di-selenggarakan atau di-sempurnakan", tambah-nya dengan penoh harapan.

Sabda Pengarah Perpindahan itu lagi, tentu-nya memang-lah ranchangan perpindahan yang di-ranchangkan ini akan memakan masa, kerana ia-nya bukan-lah projek yang kechil di-samping ia-nya terpaksa-lah menyelesaikan urusan2 sosial saperti jalan-raya dan lain2, dan semua-nya ini tentu-lah di-bereskan terlebeh dahulu. "Insha Allah, saya kira tidak berapa lama lagi usaha ini akan dapat di-uruskan dengan kerjasama dari jabatan2 Kerajaan yang tertentu yang ada berkenaan dengan-nya," jelas-nya lagi.

Menurut Yang Amat Mulia itu lagi bahawa kerja2 penyelidekan dan teknikal serta memproses penyelidekan tanah akan siap selewat2-nya enam bulan dari sekarang.

Majlis dialog juga akan di-adakan dengan peserta2 ranchangan perpindahan tersebut untok lebeh memudahkan serta menyesuaikan kehendak2 yang timbul dari ranchangan itu terutama masaalah reka bentok rumah dan jenis2 harga rumah. Kerana ia-nya akan di-sesuaikan dengan pendapatan pegawai atau kakitangan2 Kerajaan yang terlibat supaya tidak akan mendatangkan sa-barang kesulitan dalam pembayaran balek harga2 rumah yang di-maksudkan itu, tambah-nya.

Pelita Brunei di-beritahu bahawa borang2 yang telah di-edarkan tempoh hari itu, bukan-lah di-maksudkan yang borang2 itu ia-lah borang permohonan mendapatkan tapak tanah dan rumah dalam ranchangan perpindahan yang di-ranchangkan itu. Tapi borang tersebut ia-lah borang pengkajian ranchangan perpindahan untok menyenangkan pehak perpindahan mengetahui masaalah2 yang bersangkut paut yang timbul berhubong dengan ranchangan perpindahan itu.

Sa-ramai kira2 15,664 keluarga yang mengandongi kira2 93,984 orang atau pendudok yang akan terlibat dalam ranchangan perpindahan. Kawasan2 yang telah di-sediakan saperti: Kampong Rimba sa-luas 2,106 ekar, di-ikuti oleh Kampong Lambak Kanan sa-luas 1,116 ekar dan Pengkalan Sibabau sa-luas 383 ekar, ketiga2-nya dari Daerah Brunei dan Muara.

Ketika di-tanya mengenai ranchangan perpindahan bagi pendudok2 di-Daerah Belait, Tutong dan Temburong, Pengarah Perpindahan itu menyatakan bahawa Kerajaan tentu tidak akan mengenapikan pendudok2 di-daerah tersebut dalam ranchangan perpindahan-nya pada mengusahakan ranchangan2 yang berkebajikan sa-umpama itu, malah ia-nya akan di-usahakan menyeluroh, perengkat demi perengkat, pada mithal: Di-Kuala Belait ranchangan perpindahan di-Kampong Pandan sa-luas 560 ekar, Lurong Tengah sa-luas 640 ekar dan di-Sungai Liang sa-luas 400 ekar. Di-Daerah Tutong sa-luas 1,200 ekar telah di-sediakan dan di-Daerah Temburong di-dua kawasan masing2 sa-luas 285 ekar dan 108 ekar.

# Poster sa-bagai daya penarek

Dari muka 1

sesuaian dengan iklim dan adat Istiadat negeri kita Brunei Darussalam.

"Kita ada-lah sama2 dapat membanggakan kerana hasil usaha murid2 dan penuntut2 dalam bidang melukis poster ini menggambarkan unsor2 keislaman dan negeri ini yang mana ia-nya menunjokkan kesedaran murid2 dan penuntut2 tentang Ugama Islam dan pengetahuan-nya mendalam diri mereka," jelas beliau sa-lanjut-nya.

Terdahulu dalam uchapan-nya, Awg Haji Yahya menjelaskan bahawa pameran itu di-adakan ada-lah hasil usaha yang lahir dari imaginasi murid2 dan penuntut2 kerana ia-nya di-olah dengan berbagai2 ragam dan dari bermacham2 segi menurut imaginasi dan minat murid2 dan penuntut2 itu sendiri.

Dengan itu, tambah beliau itu lagi, dapat-lah kita fahami bahawa usaha yang sa-demikian itu ada-lah merupakan sa-bagai salah satu bentok pelajaran kapada murid2 dan penuntut2 terutama dari segi kechendorongan membentok imaginasi dan apa2 gambaran yang mereka fikirkan yang bersesuaian dengan selera penunton2 yang menyaksikan-nya.

Dalam uchapan alu2an-nya, pengerusi pameran, Awang Muhammad bin Hj Md Yassin menjelaskan bahawa poster ada-lah satu daya untok melariskan dagangan dalam bentok perniagaan dan juga sa-bagai daya penarek kapada orang ramai bagi menghadhiri satu2 achara dan majlis2 perkumpolan.

Akan tetapi, jelas beliau lagi pameran poster pada hari itu ada-lah bagi berkempen kapada murid2 dan penuntut2 serta orang ramai bagi mengikuti akan ajaran2 Allah s.w.t. dan menjauhi akan segala larangan-nya di-samping untok menanamkan semangat berugama kapada masharakat kita Brunei Darussalam.

Pameran yang di-adakan sa-lama lapan hari itu di-kelolakan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran sa-bagai salah satu achara bagi menyambut kedatangan Tahun Hijrah 1400 dan lebeh dari 100 buah poster telah di-pamerkan.

Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat serta pegawai2 kanan kerajaan dan jemputan2 khas yang lain.

## Melawat Kg. Ayer

Dari muka 1

di-iringi oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson.

Sa-telah itu Menteri Negara British itu dengan di-iringi oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah melawat Kampong Ayer.

Pagi semalam, Tuan Blaker telah melawat Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dan pasokan askar British yang di-tempatkan di-Seria.

Tuan Blaker yang di-iringi oleh Timbalan Setia Usaha Rendah Negara bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel, Tuan Cortazzi telah bertolak meninggalkan Brunei menuju ka-Negeri Thai petang semalam.

## Kelas kanak2 kurang chergas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kelas2 bantuan khas bagi kanak2 yang berumor di-bawah 14 tahun, ia-itu, kanak2 yang kurang chergas di-segi pelajaran telah di-tubohkan dan di-kendalikan oleh Jabatan Pelajaran.

Kelas2 tersebut bermula minggu lalu dan di-adakan di-empat buah tempat di-Daerah Brunei - Muara: Anggerek Desa, SUAS Muara, Pusar Ulak dan Sekolah Melayu Sengkurong.

Kelas2 saperti itu juga di-adakan di-Sekolah2 Melayu Kupang, Sengkarai, Rambai dan Kiudang, semua-nya di-Daerah Tutong.

Dua orang pakar yang mendapat latehan di-England, ia-itu Awang Abu Bakar bin Haji Mohd Salleh dan Awang Alim bin Haji Othman telah mengendalikan kelas2 itu dan ia-nya juga akan di-perkembangkan buat masa depan melateh kanak2 chachat bagi mendapatkan pelajaran yang penoh.

## Pakaian seragam baru bagi Posman



JABATAN Perkhidmatan Pos Brunei telah menglengkapkan posman2 di-seluroh negeri dengan pakaian seragam baru mulai 1hb Januari yang lalu (saperti kelihatan gambar atas).

Sa-lain dari posman, posman pemileh surat, pegawai mel, pemandu outboard, kereta dan motorsikal serta Merinyu Pos juga di-berikan pakaian seragam baru.

Di-samping itu, kakitangan tersebut juga memakai sa-buah lenchana Pejabat Pos yang berwarna kuning dan merah serta memakai cap. Ia-nya di-gunakan oleh kakitangan2 tersebut sa-masa menjalankan tugas.

Sa-orang jurucHakap Perkhidmatan Pos menyatakan bahawa tujuan memberikan pakaian seragam baru itu ia-lah untok memaalomkan kapada orang ramai ketika mereka menjalankan tugas sa-harian.

## Cheramah mengenai kimia

Dari muka 1

ta di-ertikan sa-bagai mengenal Allah s.w.t. dan menginsafi kekuasaan serta kebijaksanaan Allah", jelas Yang Berhormat itu.

Untok itu Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan menyarankan, supaya perjumpaan sa-demikian buat masa2 akan datang ia-nya akan dapat menjemput pakar2 Islam dalam bidang2 sains bagi menyingkap lebeh jelas lagi keterangan2 mengenai aspek2 tertentu dalam bidang masing2.

"Sa-bagaimana ahli2 persatuan ini sepatut-nya di-dedahkan kapada ilmuan yang profesional menurut bidang masing2 maka pendedahan kapada ilmuan Islam sangat-lah mustahak bagi menolong mengingatkan dan memajukan fahaman yang luas dalam ber-ilmu yang sepatut-nya di-sertai dengan fahaman tentang sumber asal-nya ia-itu Allah s.w.t.", ujar Yang Berhormat itu.

Kemunchak dari perjumpaan pada hari itu ia-lah cheramah mengenai "Dasar2 Asas bagi Pemeliharaan Ayer" yang telah di-sampaikan oleh Pembantu Kanan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Sains Singapura, Awang Teck Hock dan cheramah mengenai "Penchemaran Alam Sekitar" yang telah di-sampaikan oleh Awang Yong Foh Hui, sa-orang Jurutera Ayer di-Jabatan Kerja Raya.

## Tiga dapat pengorniaan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Senarai pengorniaan Bintang2 dan Pingat2 British yang di-umomkan di-London pada 31hb Disember yang lalu termasok tiga orang pegawai British yang di-pinjamkan kapada pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Timbalan Pemerentah AMDB, Lt. Kol. C. J. Bowden telah di-korniakan Order of the British Empire—OBE, sementara Major R.C. Harper, dari Angkatan Laut Pertama dan WO II H. W. N. Fynn, dari Ibu Pejabat Regimen masing2 di-korniakan Member of the British Empire — MBE.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.